

**BAB III**  
**INSTITUSI-INSTITUSI MASJID DI BRUNEI**  
**DARUSSALAM**

## BAB 111

### INSTITUSI-INSTITUSI MASJID DI BRUNEI DARUSSALAM

#### 3.1 Pendahuluan

Institusi-institusi masjid adalah merupakan institusi yang terpenting dalam pengukuhan penyebaran dan pertapanan ajaran agama Islam yang berkesan sejak zaman Rasulullah *s.a.w* lagi hingga masa sekarang. Bagi melihat kebenaran kekuahan institusi-institusi ini, khususnya di Brunei Darussalam, penulis akan mengimbas beberapa sejarah silam dari abad ke 15 M hingga sekarang, yang membuktikan betapa institusi-institusi ini memainkan peranan dalam pembangunan agama, umat dan juga negara.

Pembangunan institusi-institusi masjid di Brunei pada permulaannya telah menghadapi liku-liku yang kontroversi khususnya dari pihak penjajah-penjajah barat yang tidak jemu-jemu untuk menyekat perkembangan ajaran Islam yang suci itu mempengaruhi masyarakat majmuk di kawasan-kawasan kepulauan melayu. Sifat-sifat keangkuhan penjajah-penjajah ini akan dapat di lihat dalam perbincangan ini dan juga kesan pengaruhnya kepada masyarakat Brunei hingga masa kini. Di samping itu, akan dijelaskan

juga berhubung dengan kebangkitan Islam melalui pembangunan institusi-institusi masjid yang akhirnya menjadi kenyataan sebagai lambang keagungan syiar Islam di Brunei Darussalam.

### **3.2 Latarbelakang Sejarah**

Sebelum dibicarakan lebih lanjut tentang institusi-institusi masjid, kajian ini berminat untuk menjelaskan secara ringkas berhubung dengan latarbelakang sejarah permulaan pertapanan dan perkembangan Islam di Brunei. Kajian ini juga tidak akan lengkap sebelum kita memperkenalkan secara dekat tentang kedudukan dan identiti Negara Brunei Darussalam itu sendiri.

Sebagaimana telah tercatat dalam sejarah, Brunei adalah salah sebuah negara yang wujud bersaing dengan negara-negara tua di rantau ini.<sup>1</sup> Brunei pada suatu ketika dahulu juga merupakan sebuah negara yang berpengaruh serta mempunyai jajahan takluk yang luas di sebelah rantau sini khususnya selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M. Kini Brunei pada masa sekarang adalah merupakan sebuah negara yang

---

<sup>1</sup> Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, POKADRDSU(DR.), *Tarsilah Brunei*, Brunei Darussalam., 1990., cet. i., hal. 1.

kecil yang mempunyai keluasan hanya 5,765 kilometer persegi, serta mempunyai keramaian penduduk hanya 267,800 orang sahaja.<sup>2</sup> Dengan kedudukan yang kecil serta mempunyai keramaian penduduk yang kecil ini, penduduk Brunei telah mengalami kehidupan yang aman dan damai serta dapat menikmati kebahagiaan hidup dari hasil buminya yang dilimpahkan Allah keatasnya.

Dalam keadaan negara dan penduduk yang begini, Brunei telah menjadikan negaranya sebagai sebuah negara Islam yang berkonsepkan Malayu Islam Beraja. Berdasarkan kepada konsep ini, menunjukkan masayakat Brunei telah mengamalkan Islam itu sebagai cara hidup mereka yang diwarisi sejak zaman berzaman. Maka dengan itu, tidak hairanlah dalam konsep pemerintahan di Brunei lebih mengutamakan Islam itu sebagai dasar pentadbirannya.

### **3.2.1 Islam Di Brunei**

Sesungguhnya agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w telah tersibar luas dengan pesatnya setelah Baginda s.a.w berhijrah ke kota Madinah pada tahun 622 M.

---

<sup>2</sup> *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 1992*, Brunei : Statistic Division, Economic Planning Unit, Ministry of Finance, hal. xi dan xii.

Setelah wafatnya Baginda *s.a.w* tugas ini telah diambil alih oleh Khalifah-Khalifah<sup>3</sup> selepas Baginda sehingga berkembangnya penyebaran agama Islam ke merata tempat di seluruh Tanah Arab, Afrika Utara, Sepanyol, Damsyik, Teluk Persi, India, China seterusnya keseluruh dunia termasuklah Alam Melayu.

Telah termaktub di dalam kebanyakan buku-buku dan catatan-catatan sejarah, para ahli penyelidik sejarah rata-rata mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu ini, termasuk Brunei adalah melalui pedagang-pedagang yang datang bermiaga ke kepulauan Melayu,<sup>4</sup> iaitu mereka yang datang dari negara Arab, India dan China. Hubungan perdagangan dan pelayaran di antara selatan Tanah Arab dengan China, pulau-pulau Melayu dan Indo-China telah berjalan sejak sebelum adanya agama Islam lagi, yang mana pada kurun ke 2 M semua perdagangan dengan Sri Lanka telah dikuasai oleh orang Arab.<sup>5</sup> Prof. S.Q Fatimi, mengatakan bahawa ketiga-tiga negara ini adalah kawasan sumber kebudayaan dan kepercayaan yang terdapat pada orang-orang Asia

<sup>3</sup> Khalifah-Khalifah itu ialah pemerintah-pemerintah atau mubaligh-mubaligh Islam yang bertanggungjawab menyebarkan agama Islam selepas Rasulullah *s.a.w*.

<sup>4</sup> Kepulauan Alam Melayu adalah merupakan kawasan yang kaya dengan hasil bumi yang menguntungkan serta menjadi tempat pertemuan pedagang-pedagang bagi menjalin perhubungan persahabatan antara satu dengan lain. Di samping itu juga kawasan ini merupakan kawasan yang jarang berlaku permusuhan, kekacauan dan perperangan sepertimana yang berlaku di kawasan-kawasan lain.

<sup>5</sup> Awang Haji Muhammad Jamil Al-Sufri., POKADDUS(Dr.), *op cit.*, hal. 65-66. -

Tenggara.<sup>6</sup> Berbagai cara penyebaran Islam telah dilakukan oleh pedagang-pedagang pada ketika itu, di antaranya sebagaimana dijelaskan oleh C. Snouck Hurgronye:

.....*Saudagar-saudagar Islam dan Muslimin yang mencari untung menetap di tengah penduduk kafir. Juga tanpa menjadi orang suci atau terlalu saleh. Biasanya Muslimin itu memperlihatkan kecendurungannya untuk menyebarkan agamanya terutama di kalangan orang yang agak kurang beradab. Kepentingan peribadinya sendiri pun sudah mengharuskan dia berbuat demikian: dia ingin menciptakan keluarga sendiri. Tidak sukar baginya memperisterikan seorang wanita daripada lingkungan itu, akan tetapi untuk mengahwininya secara sah tidak dibolehkannya selama wanita itu masih kafir. Maka mulamula dia mempersilakan wanita tersebut mengucapkan syahadat dan mungkin dia pun memujuk pula keluarga isterinya yang termudah, tanpa sacrament atau tanpa upacara yang pelik-pelik dan kemudian orang kafir yang mengambil langkah itu pun insaflah, bahawa mereka telah menjadi anggota golongan para pendatang asing yang dalam banyak segi mereka pandang lebih unggul daripada mereka sendiri. Golongan ini makin lama makin bertambah dan lambat-laun terbentuklah desa-desa, daerah-daerah dan kerajaan Islam kecil-kecil.*<sup>7</sup>

Berdasarkan keterangan di atas membuktikan bahawa para pedagang dan mubaligh yang datang di suatu tempat itu bukan sahaja untuk mengaut keuntungan yang lumayan akan tetapi yang lebih penting bagi mereka adalah menyebarluaskan dakwah

<sup>6</sup> S.Q. Fatimi., *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Social Research Institute., 1963., hal. 36.

<sup>7</sup> Hurgronye, C.S., *Islam di Hindia Belanda*, Bhratara., Belanda., 1973., hal. 14-15. -

Islamiah di kalangan penduduk-penduduk setempat yang mereka singgahi itu, dengan cara tinggal menetap di situ, dan mengahwini wanita-wanita yang mereka suka semata-mata untuk mempengaruhi ajaran Islam meresap dan berkembang di kalangan penduduk tersebut.

Kedatangan Islam ke Brunei pada hakikatnya belum dapat diperstikan dengan tepat tarikh sebenarnya. Ini mungkin terjadi sebagai ekoran dari ketidak selaras pendapat di kalangan pengkaji sejarah tentang kedatangan Islam ke Nusantara itu sendiri.<sup>8</sup> Berdasarkan analisa para pengkaji sejarah tempatan mengatakan bahawa Brunei telah menerima agama Islam dengan rasminya pada zaman Sultan Muhammad Shah<sup>9</sup> yang diagukkan pada tahun 1368 M.<sup>10</sup> Walaupun Islam diterima dengan rasminya pada tahun tersebut, tetapi para pengkaji sejarah juga berpendapat agama Islam tersibar di Brunei mungkin lebih awal dari tarikh tersebut. Ini berdasarkan kepada riwayat China yang mengatakan bahawa pada tahun 977 M Raja Puni telah menghantar utusannya ke China

<sup>8</sup> Siti Zaliha bte Abu Salim, *Sistem Kehakiman Brunei..*, hal. 24.

<sup>9</sup> Sultan Muhammad Shah ialah Sultan Brunei pertama. Sebelum Islam baginda dikenali sebagai Awang Alak Betatar.

<sup>10</sup> Haji Muhammad Jamil Al-Sufri, *op cit*, hal. 86.

yang diketuai oleh Pu Ya-li,<sup>11</sup> Qadhi Kasim dan Sheikh Noh (Shin Nu). Penghantaran utusan ini adalah bagi membalaas kunjungan utusan Maharaja China Pu-Lu-hsieh yang beragama Islam yang telah datang ke Puni (Brunei) sebelum itu.<sup>12</sup> Jika dilihat dari segi relevannya kenyataan ini menunjukkan bahawa raja pada ketika itu telah memberi kepercayaan dan sambutan yang baik terhadap saudagar Arab Muslim<sup>13</sup> ini, dan sekaligus menunjukkan Islam pada ketika itu telah mendapat tempat di kalangan penduduk Brunei. Antara bukti yang kuat lagi ialah berdasarkan satu penemuan nisan China muslim yang didapati di perkuburan orang-orang Islam di Rangas, Bandar Seri Begawan. Batu nisan tersebut dippunyai oleh Pu Kung Chieh-mu yang datang dari Chuan-chou pada masa Empayar Sung (960-1279M) bersama anaknya Yiang Chia.<sup>14</sup> Di atas nisan tersebut tertulis perkataan Pu yang kebiasaannya digunakan di hadapan nama orang-orang China yang beragama Islam.<sup>15</sup> Ini membuktikan bahawa agama Islam sudah wujud di Brunei pada

<sup>11</sup> Franke, Wolfgang & Chen Tieh-fan, *A Chinese Tomb Inscription of A.D. 1264, Discovered Recently in Brunei : A Preliminary Report*, The Brunei Museum Journal, Vol. III, No. 1, 1973, hal. 93.

<sup>12</sup> Groenevelt, W. P., *Notes on the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chinese Sources*, Batavia., 1876., hal. 109.

<sup>13</sup> Pu Ya-li dan rombongan. Pu Ya-li itu adalah seorang saudagar Arab mengikut sebutan atau pilat China yang bermaksud Abu Ali. Lihat Awang Haji Mohd.Jamil Al-Sufri., *op cit.*, hal. 87.

<sup>14</sup> *Ibid*, hal. 91.

<sup>15</sup> *Ibid*, hal. 91-94.

kurun ke 10 M atau kurun ke 4 H. Pada waktu itu agama Islam belum dikatakan secara rasmi lagi kerana rajanya belum memeluk agama Islam.<sup>16</sup>

;

Sebagaimana telah dijelaskan bahawa perkembangan agama Islam di Brunei diterima dengan rasminya setelah Sultan Brunei pertama memeluk agama Islam. Baginda adalah raja Islam pertama di Brunei dan seterusnya menjadi pengasas kepada kesultanan Brunei. Dalam ‘Silsilah Raja-Raja Berunei’<sup>17</sup> ada menyebutkan :

*Maka adalah yang awal-awal menjadi raja di dalam negeri Berunei iaitu Awang Khalak Betatar di jadikan Sultan Muhammad, ialah yang awal-awal membawa agama Islam mengikut syari'at Nabi kita Muhammad s.a.w..<sup>18</sup>*

Dalam ‘Silsilah Raja-Raja Berunei’ ini juga ada mencatatkan masa dan waktu Baginda memeluk agama Islam, sebagaimana disebutkan :

*Bermula pada zaman Awang Khalak Betatar menjadi raja di dalam Berunei, lagi kafir di dalam Berunei ; dan pada masa itu di takluk oleh Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada, dan menghantarkan upeti pada tiap-tiap tahun ke*

<sup>16</sup> Haji Mohd.Jamil Al-Sufri, *op cit*, hal. 87.

<sup>17</sup> Sebuah manuskrip yang terdapat di Muzium Sejawak.

<sup>18</sup> P.L Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Berunei*, JMBRAS, 1968, Vol. 41, Pt. II, hal. 51.

*Majapahit satu tempayan air pinang muda. Maka manakala telah sudah binasa negeri Majapahit itu, tiadalah lagi menghantar upeti melainkan Berunai beraja sendirinya dan berkuasa pada takluk rantaunya.*

*Shahadan tersebut pula negeri Johor. Ada pun mula-mula pada zaman itu Sultan Bahteri naik kerajaan di dalam negeri Johor, maka zamannya itu dipanggilnya lahir Awang Khalak Betatar dan Pateh Merbai di dalam negeri Berunai ke Johor. Maka apabila sudah sampai di negeri johor, Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhammad ialah jadi raja yang pertama dalam Berunai, dan Pateh itu digelarnya jadi Pengiran Bendahara Seri Maharaja.<sup>19</sup>*

Dari catatan di atas menunjukkan bahawa pengislaman raja Brunei telah berlaku setelah jatuhnya Empayar Majapahit, khususnya setelah kematian Pateh Gaja Mada<sup>20</sup> pada tahun 1364 M.<sup>21</sup>

Dalam laporan Cina mengenai Brunei pada tahun 1370M pula mengatakan bahawa Brunei pada ketika itu sudah diperintah oleh seorang raja Islam bernama Ma-ha-mo-sa<sup>22</sup> yang bermaksud Sultan Muhammad Shah. Ini membuktikan bahawa Sultan

<sup>19</sup> *Ibid.*, hal. 51, 52.

<sup>20</sup> Pateh Gaja Mada ialah seorang Menteri Majapahit yang bertanggongjawab meluaskan Empayar Majapahit di Alam Melayu. Dengan kematiannya banyak negeri-negeri di bawah naungan Majapahit termasuk Brunei mengisytiharkan kemerdekaan.

<sup>21</sup> Hugh Low., *Salasilah (Book of the Descent) of the rajahs of Brunei*, JSBRAS., Vol. VI., 1880., hal. 1-2.

<sup>22</sup> Carrie Brown., *An Early Account of Brunei by Sung Lien.*, BMJ., Vol. II., No. 4., 1972., hal. 219.

Muhammad Shah itu sudah memeluk agama Islam sebelum tahun 1370 M. Berdasarkan dua fakta di atas kemungkinan Islamnya Sultan Muhammad Shah itu berlaku pada pertengahan tahun antara tahun 1364 M dan tahun 1370 M.

### **3.2.2 Pengaruh Agama Islam**

Sejarah kedatangan Islam ke Brunei telah dapat kita jangkakan berdasarkan kepada keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang tercatat dalam analisa-analisa para pengkaji sejarah tempatan mahupun luar berhubung dengan perkembangan Islam di Brunei sebagaimana dijelaskan pada awal bab ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan penyebaran agama Islam di Brunei pada awalnya adalah berpunca daripada kedatangan para mubaligh Islam yang membuat pelayaran ke kepulauan Melayu bagi tujuan perdagangan. Misalnya, Karimul Makhdum seorang ulama Arab yang dalam perjalannya dari Melaka ke Suluk pada pertengahan kurun ke 14 M, berkemungkinan singgah di Brunei kerana Brunei menjadi

tempat perlaluan dan persinggahan para mubaligh Islam yang hendak ke Suluk, Cagayan, Rengutaran dan Zamboanga.<sup>23</sup>

;

Jika kita lihat keterangan sejarah sebelum ini terdapat dua peringkat yang terjadi dalam proses kedatangan dan perkembangan Islam di Brunei. Peringkat pertama adalah peringkat bermulanya pertapakan Islam secara tidak rasmi yang berlaku pada kurun ke 10 M. Pada peringkat ini, Islam kurang mendapat sambutan dari penduduk tempatan dan mungkin hanya dianuti oleh sebahagian kecil rakyat biasa sahaja atau golongan saudagar-saudagar Islam yang menetap di sana seperti Pu Ya-li dan saudagar Arab yang lainnya. Kelembapan penerimaan dakwah Islamiah di kalangan penduduk tempatan pada ketika itu mungkin disebabkan dari wujudnya persaingan dengan pengaruh Budha dan Hindu yang telah sekian lama bertapak dan dianuti oleh penduduk-penduduk Alam Melayu.<sup>24</sup> Perkembangan pengaruh Hindu ini dianggarkan lahir sejak abad kedua Masihi lagi iaitu sebelum lahirnya Nabi Muhammad *s.a.w* sampai kepada abad keempat belas Masihi baharulah diganti oleh Islam.<sup>25</sup>

<sup>23</sup> Saleeby, N.M., *The History of Sulu*, Filipiniana Book Guild, Inc., Manila., 1963., hal. 42-43. Lihat juga, Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri., *op cit.*, hal. 87.

<sup>24</sup> Prof. Dr. Hamka., *Sejarah Umat Islam*, Singapura., 1994., Edisi Baru., cet pertama., hal. 663.

<sup>25</sup> *Ibid*, hal. 668.

Pada peringkat kedua pula adalah dikatakan peringkat perkembangan Islam secara rasmi yang berlaku pada akhir abad keempat belas Masihi,<sup>26</sup> di mana pengaruh Islam telah mendapat sambutan dari pihak pemerintah iaitu Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei pertama dan rakyat jelata dan seterusnya membawa kepada tertubuhnya sistem kesultanan Melayu Islam yang terulung di Brunei. Dalam abad ini boleh dikatakan penyebaran agama Islam berlaku dengan cepatnya disebabkan ajaran agama itu menarik hati masyarakat tempatan kerana ianya sangat berbeda dengan ajaran agama Hindu dan Budha yang telah lama mempengaruhi kehidupan mereka. Kebenaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad *s.a.w* bersama kitab suci al-Qurān menjadikan panduan kearah kehidupan yang sempurna dan menepati kehendak naluri dan fitrah manusia seluruhnya. Ini kerana Islam itu memberikan hak yang sama rata sesama manusia disisi Allah *s.w.t* yang boleh dicapai oleh semua manusia.<sup>27</sup> Dalam kontek ini keistimewaan ajaran Islam dari ajaran-ajaran agama yang lain menyebabkan Islam mudah diterima oleh penduduk tempatan.



Kekuatan dan kemantapan pengaruh Islam di Brunei semakin lama semakin kukuh dan subur dengan kedatangan para pendakwah dari Timor Tengah<sup>28</sup> yang membantu Brunei mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam lagi. Kedatangan mereka ini

<sup>26</sup> Haji Mohd.Jamil Al-Sufri, *op cit*, hal. 86.

<sup>27</sup> Lihat *al-Qurān*, Surah al-Hujurat, Ayat: 13.

dijangkakan sekitar tahun 1375 M.<sup>28</sup> Dalam laporan Sepanyol mengenai Brunei pada tahun 1590 M, menceritakan bahawa para Syarif ini telah mengajar al-Quran dan hukum-hukum agama kepada penduduk tempatan tanpa mengenakan bayaran. Pengajaran tersebut dilakukan di masjid, dengan menggunakan kain nipis sebagai tempat menulis segala doa-doa dan hukum-hukum Islam yang diajar oleh para Syarif itu. Penduduk Brunei sangat menghormati golongan Syarif ini, sehingga mereka dianggapnya sebagai wali Allah dan keramat.<sup>29</sup>

Kedudukan para Syarif ini bukan sahaja berperanan dalam mengembangkan ajaran agama Islam di kalangan penduduk Brunei sebagai satu kewajiban agama mereka, akan tetapi di kalangan mereka pula ada yang diangkat menjadi raja di suatu ketika dahulu seperti Sultan Syarif Ali sebagaimana disebutkan dalam ‘Silsilah Raja-Raja Berunei’:

*Maka tiada berapa lamanya, masuklah seorang bangsa Arab yang bernama Sharif Ali Bilfakih kedalam Berunei, yang turun dari negeri Ta'if. Adalah Sharif itu panchir daripada Amirul Mu'min Hasan, cucu Rasulullah s.a.w. Maka tiada berapa lamanya Sharif Ali itu di dalam negeri Berunei, ia pun berbini anak Sultan Ahmad ini; maka lalu dikahwinkanlah sebagaimana mengikut adat raja-raja pada masa itu. Maka Sharif Ali ini mendirikan agama Islam dan mengeraskan shari'at nabi kita Muhammad*

<sup>28</sup> Tarikh kedatangan Syarif Ali ke Brunei adalah berdasarkan tarikh kedatangan Ong Sum Ping ke Brunei pada tahun 1375. Lihat Haji Mohd.Jamil Al-Sufri, *op cit*, hal. 93.

<sup>29</sup> John S.Carrol, *Brunei in the Boxer Codex*, JMBRAS., Vol. 35, Pt. 2., 1982., hal. 11.

*s.a.w di dalam Berunai, dan membuat masjid. Di dalam demikian itu, maka diturunkannya kerajaan Sultan Ahmad itu kepada menantunya Sharif Ali, digelar/Sultan Berkat. Maka Sultan inilah raja ketiga di dalam Berunai, dan ialah membuatkan kota batu, disuruhnya sekalian rakyat China dan Berunai.*<sup>30</sup>

Dari keterangan di atas jelas menunjukkan perlantikan golongan Syarif menjadi raja atau sultan di Brunei telah wujud sejak beberapa tahun dahulu. Perlantikan mereka ini adalah disebabkan oleh rasa hormat dan keyakinan raja dan rakyat Brunei akan kebolehan mereka dalam mengislamisasikan kehidupan masyarakat termasuk jentera pentadbiran kerajaan yang ketika itu masih diperingkat permulaan. Berdasarkan kepada sembutan raja dan rakyat inilah, serta semata-mata cinta kepada Islam adalah menjadi faktor penting yang menyebabkan perlunya orang luar dipilih sebagai penyambung kepada pemerintahan kesultanan Brunei yang mana dengan kebijaksanaan Sultan Ahmad iaitu Sultan Brunei kedua mengkahwinkan puterinya dengan Syarif Ali sebagai menandakan kepercayaannya terhadap golongan Syarif itu yang sememangnya lahir dari keturunan Rasulullah *s.a.w* h.

Dengan terlantiknya Syarif Ali sebagai Sultan Brunei ketiga, kedudukan agama Islam telah mendapat tempat yang utama dalam pentadbiran baginda. Ini terbukti apabila baginda telah mendirikan sebuah masjid yang pertama di Brunei. Di masjid tersebut

<sup>30</sup> P. L Amin Sweeney, *op cit*, hal. 54.

baginda sendiri telah menjadi Imam dan Khatib. Maka melalui khutbah-khutbah inilah baginda menyalurkan nasihat-nasihat dan ajaran-ajaran agama Islam kepada para jemaah dalam bahasa Melayu.<sup>31</sup> Dalam bidang adat istiadat, baginda telah membuat panji-panji lambang Islam yang mempunyai tiga sayap, di atasnya terletak ‘Tunggul Alam Bernaga’ sebagai lambang Syiar Islam yang dikembangkan oleh baginda.<sup>32</sup> Begitu juga baginda telah menambah nama Brunei menjadi Brunei Darussalam.

Dengan berkembang suburnya Islam di Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali ini, telah mendorong lebih ramai lagi pendakwah Islam yang berketurunan Syarif dan Sayid datang dan menetap di Brunei. Di antaranya ialah Sheikh Adam yang datang ke Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman.<sup>33</sup> Begitu juga Sayid Abu Bakar seorang pengembang agama Islam dari Pelimbang telah singgah di Brunei dalam perjalannya ke Sulu pada tahun 1450 M.<sup>34</sup> Begitu juga dalam Sejarah Mindanao

<sup>31</sup> Pg. Muhammad bin Pg. Hj Abd Rahman, *Islam di Brunei : Kemasukan dan Perkembangannya (Abad 13-17 Masihi)*, Tesis Sarjana : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985/86., hal. 145.

<sup>32</sup> Berbagai-bagai tafsiran boleh diertikan kepada maksud lambang panji-panji itu. Ini boleh juga dimaknakan sayap yang tiga itu menunjukkan agama Islam berdasarkan Iman, Islam dan Ihsan. Tunggul Alam Bernaga itu lambang kuasa Sultan yang menjalankan perintah Allah. Lihat Haji Mohd. Jamil Al-Sufri., *op cit.*, hal. 121.

<sup>33</sup> Sultan Sulaiman ialah sultan Brunei yang keenipat, anak kepada Sultan Syarif Ali yang memerintah pada tahun (1433-1473) Masihi.

<sup>34</sup> Najeeb M. Salleby, *The History of Sulu*, Manila., 1963., hal. 34.

menceritakan tentang kedatangan anak Syarif Ali Zainal Abidin yang menetap di Melaka yang terkenal dengan gelaran Syarif Kebungsuan juga telah datang ke Brunei sekitar tahun 1515 M.<sup>35</sup>

Jika dilihat dari keterangan di atas lebih menunjukkan bahawa kekuatan dakwah Islamiah di Brunei itu telah berkembang dengan pesatnya atas penglibatan secara aktif para golongan Syarif dan Sayid yang datang ke Brunei, sehingga menjadikan ajaran agama Islam itu benar-benar di terima dengan sepenuhnya oleh seluruh masyarakat Brunei khususnya di kalangan penduduk-penduduk yang tinggal di persisiran pantai, kerana Islam itu mereka terima terus dari orang-orang Arab sendiri yang sememangnya datang dari negeri Arab tempat munculnya agama Islam.

### **3.2.3 Pusat Penyebaran Islam**

Sungguhpun agama Islam sudah diterima dengan rasminya di Brunei iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah, tetapi keadaan umat Islam di Brunei pada ketika itu belum cukup teratur dan semangat keislaman yang suci itu belum merasuk lagi

---

<sup>35</sup> Najeeb M. Salleby., *Studies in Moro History Law and Religion.*, Manila., 1976., hal. 42-43.

dengan kuatnya di sanubari masyarakat Brunei. Ini disebabkan pengaruh agama Hindu dan Budha masih ada di kalangan masyarakat Brunei dan penyebaran agama Islam masih dalam peringkat permulaan.<sup>36</sup>

Boleh dikatakan bahawa kegemilangan perkembangan agama Islam di Brunei berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Brunei ketiga iaitu Sultan Syarif Ali yang juga disebut sebagai Sultan Berkat. Baginda telah memestikan perlaksanaan syariat Islam berjalan dengan sepenuhnya di Brunei pada abad ke 15 M, di mana langkah pertama yang dilakukan oleh baginda dalam mengukuhkan syiar Islam di Brunei ialah dengan mendirikan sebuah masjid *jami'* yang pertama, yang telah dibinanya di atas sebuah tapak di Kota Batu.<sup>37</sup> Langkah yang dilakukan oleh baginda ini adalah bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah *s.a.w* dan para sahabat sewaktu melakukan *futuhat* atau pembukaan negeri-negeri yang ditakluki oleh Islam, yang mana mendirikan masjid adalah merupakan satu kimestian atau perintah yang mesti dilakukan sebagaimana juga yang dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab *r.a* kepada penglima-penglima perangnya di luar negeri sewaktu pemerintahannya.

<sup>36</sup> Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, *op cit*, hal. 121.

<sup>37</sup> S.Q.Fatimi, *op cit*, hal. 38-39. Lihat juga P.L. Amin Sweeny., *op cit.*, hal. 54. Lihat juga Wan Hussein @ Azmi, 'Islam Di Brunei Darussalam: Masok Dan Berkembangnya (Abad VII - XVI M)', Kertaskerja Seminar Tamaddun Islam Di Alam Melayu, Anjuran KHEU di Bandar Seri Begawan, pada 1 - 5 Jun 1989, hal.18.

Usaha-usaha kearah lebih memantapkan lagi syiar Islam di Brunei telah diteruskan oleh pewaris-pewaris baginda iaitu puteranya Sultan Sulaiman, yang memerintah pada tahun (1433-1473M), dan seterusnya oleh Sultan Bolkiah iaitu Sultan Brunei ke 5 yang memerintah pada tahun (1473-1521M) sehingga ke zaman pemerintahan Sultan ke 29 iaitu sultan sekarang ini, Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Jika dilihat kedudukan perkembangan agama Islam di Brunei pada abad ke 15M dan ke 16 M, ternyata Brunei adalah salah sebuah daripada benteng-benteng negara Islam yang kuat di Nusantara ini, dan pernah mengambil alih peranan empayar Islam Melaka di dalam mempertahankan dan mengembangkan agama Islam khususnya di sepanjang persisiran pulau Borneo dan gugusan kepulauan Filipina setelah kerajaan Islam Melaka jatuh di bawah penjajahan Portugis pada tahun 1511 M.<sup>38</sup> Dengan berlakunya penawanan Melaka ini, menjadikan Brunei sebagai sebuah tempat perlindungan dan tumpuan bagi pendakwah-pendakwah Islam yang datang dari Timor Tenggah. Mereka telah berhijrah ke Brunei dan Aceh.<sup>39</sup> Ini menjadikan Brunei sebagai tempat perhimpunan para

<sup>38</sup> Wan Hussein@ Azmi, 'Islam Di Brunei Darussalam.'....., hal. 1.

<sup>39</sup> Najeeb M. Salleby, *Studies in Moro History Law and Religion*, Manila., 1976., hal. 42-43.

pendakwah Islam, saudagar-saudagar dan alim ulama<sup>40</sup> yang akhirnya membawa Brunei terkenal sebagai salah sebuah pusat perkembangan Islam yang kuat di rantau ini.

:

Secara kronologi yang berdasarkan kepada angka tahun yang tercatat pada nisan, batu bersurat dan mata wang lama ternyata kedudukan Brunei dalam pertapakan awal Islam adalah termasuk di antara negeri-negeri yang terawal menerima Islam di rantau ini, selepas Pahang (419H/999M), Phan Rang (431H/1039M), Kelantan (577H/1161M), Lelan, Jawa (1082M atau 1102M), Brunei (1264M), Pasai (1297M), Terangganu (702H/1303M), dan Filipina (710H/1310M).<sup>41</sup> Jika dibandingkan antara abad ke 13M dan ke 16M adalah merupakan satu jurang yang lama bagi Brunei mengalami suasana keislaman, dan sudah setentunya boleh dikatakan kemantapan agama Islam sudah kuat dan matang di kalangan masyarakat Brunei.

Pada akhir abad ke 15 M, perkembangan Islam di Brunei semakin meluas, di mana sebilangan besar daripada pemeluk Islam yang baru, menjalankan gerakan dakwah di Brunei dan sebilangan yang lain telah mengembangkan dakwah di berbagai-bagai daerah

<sup>40</sup> Wan Hussein @ Azmi., *op cit.*, hal. 19.

<sup>41</sup> Pg.Haji Mohammad bin Pg.Haji Abd.Rahman, '*Islam Di Brunei Darussalam : Kemasukan Dan Penyibaran*', Kertaskerja Seminar Antarabangsa Tamaddun Islam Di Alam Melayu, Anjuran KHEU Bandar Seri Begawan pada 1 - 5 Jun 1989, hal. 23.

di Brunei dan kepulauan Maluku.<sup>42</sup> Di sini menunjukkan pengaruh Brunei dalam mengembangkan agama Islam di luar negeri sudah mendapat sambutan yang membanggakan kerana hampir seluruh kepulauan Filipina telah dijelajahi oleh pendakwah-pendakwah dari Brunei. *Antonio de Morga* seorang Sepanyol yang tinggal di Filipina, di antara tahun 1595 - 1603 M telah mengakui bahawa Islam telah mendapat sembutan di kalangan masyarakat Luzon pada ketika itu, dan seandainya kedatangan Sepanyol terlewat sedikit, besar kemungkinan Sepanyol akan menghadapi kerumitan untuk melaksanakan cita-cita mereka bagi menguasai dan mengkristiankan Filipina.<sup>43</sup>

Di sini juga menunjukkan betapa tingginya keghairahan para pendakwah muslimin Brunei dalam usaha mengembangkan dan menyebarluaskan syiar Islam di kalangan *non muslim* Filipina, sebagai salah satu kewajipan mereka dalam menyahut tuntutan Islam yang agong, sehingga gerakan mereka ini membimbangkan orang-orang barat khususnya pengembang-pengembang kristian Sepanyol yang cuba untuk menyalurkan pengaruhnya di rantau ini.

---

<sup>42</sup> S.Q. Fatimi , *op cit*, hal. 66.

<sup>43</sup> Man Mohini Kaul, *The Philippines and Southeast Asia*, New Delhi., 1978., hal. 8.

### 3.3 Sejarah Institusi Masjid

Setelah dibincangkan kedudukan Islam dalam era permulaan perkembangannya di Brunei, penulis akan melanjutkan tulisan ini kepada sejarah institusi masjid dari aspek-aspek pembinaannya, pengaruh dan sembutan masyarakat serta beberapa peranan pentadbiran masjid dalam menyumbangkan bakti mereka kepada negara, agama dan bangsa.

#### 3.3.1 Masjid Pertama Di Brunei

Sebagai sebuah institusi yang ulung dan agong dalam Islam, masjid adalah merupakan sebagai sebuah pusat ibadat dan *mu'amalat*, pusat penyebaran agama Islam, pusat pemerintahan dan pentadbiran, gedung ilmu pengetahuan, khazanah hikmat dan pusat pembentukan akhlak juga merupakan pusat kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan umatnya.<sup>44</sup> Kejayaan Islam melalui masjid ini dapat dilihat dan

---

<sup>44</sup> Dr.Awang Haji Mahmud Saedon Bin Awañg Othman, Prof. Dato', *Masjid Fungsi dan Peranannya*, Brunei Darussalam., Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, 1996., cet. i., hal. 18.

dibuktikan sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi dan para sahabat hingga sekarang ini, di mana masjid merupakan lambang dan identiti kedaulatan Islam di muka bumi ini.

:

Berdirinya masjid disesuatu tempat itu, menunjukkan tegaknya juga syiar agama Islam di tempat itu. Islam telah berkembang dari satu tempat kesatu tempat yang lain telah menunjukkan hasil dan pengaruh yang baik serta dapat diterima oleh akal fikiran manusia seluruhnya. Ini disebabkan metode atau cara penyebaran agama Islam itu sendiri tidak dilakukan secara paksaan, bahkan ianya dilakukan mengikut landasan-landasan yang diajarkan oleh Islam. Firman Allah s.w.t:

ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة واجدالهم بالتي هي  
أحسن إن ربكم هو أعلم عن ضل عن سبile وهو أعلم بالمهتدin.<sup>45</sup>

Terj: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk.*

---

<sup>45</sup> S. Al-Nahl : A. 125.

Firmannya lagi:

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكْفُرُ بِالظَّنِّ—غَوْت  
وَيَوْمَئِنْ بِاللَّهِ فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعَرْوَةِ الْوُثْقَى لَا انْقِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ أَعْلَمُ  
<sup>46</sup> عَلَيْهِ.

Terj: *Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

Konsep dakwah Islamiah yang diajarkan oleh Allah s.w.t itu, ternyata telah membawa kejayaan kepada perkembangan agama Islam di seluruh pelusuk dunia. Peranan Islam dalam menyebarluaskan ajarannya tidak cukup dengan memberikan pengajaran dan kefahaman sesempurnanya sahaja, akan tetapi bertanggungjawab dalam menyediakan tempat yang sesuai untuk tujuan tersebut dengan mendirikan masjid-masjid, balai-balai ibadat, surau-surau, madrasah dan sebagainya, bagi kemudahan penganutnya beribadat kepada Allah s.w.t. Kesemua institusi ini telah terbukti dalam sejarah tentang kejayaannya dalam mempertahankan dan menangani permasalahan umat Islam seluruhnya sebagaimana yang kita lihat dari sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga dewasa ini.

---

<sup>46</sup> S. Al-Baqarah : A. 256.

Jika kita imbas kembali perkembangan Islam di rantau ini khususnya di Brunei Darussalam, pada abad ke 14 M, Islam telah diterima dengan resminya setelah mana pemerintahnya atau rajanya iaitu Awang Alak Betatar memeluk agama Islam pada tahun 1368 M dengan dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah. Baginda telah membawa Brunei pada ketika itu sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh dengan syari'at Nabi Muhammad s.a.w<sup>47</sup> serta menjadi ikutan kepada rakyat jelata dalam mengagungkan Islam sebagai agama rasmi negara.

Sepertimana juga pada zaman Rasulullah s.a.w, pembentukan kerajaan Islam di Madinah bermula dengan berdirinya Masjid *al-Nabawi* yang dianggap sebagai nadi kepada keutuhan masyarakat dan negara Islam pertama, pusat perpaduan dan lambang kekuatan Islam,<sup>48</sup> maka tradisi ini telah diaplikasikan oleh para pengikut Baginda termasuk para mubaligh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan agama Islam di merata tempat di dunia ini termasuklah Brunei, juga telah mendirikan sebuah masjid pertamanya sebagaimana yang tercatat dalam sejarah bahawa pembinaan masjid tersebut

---

<sup>47</sup> P.L.Amin Sweeney, *op cit*, hal. 11.

<sup>48</sup> Prof.Dato Dr.Awang Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman., *op cit.*, hal. 11.

telah berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Brunei ketiga iaitu Sultan Sharif Ali dalam tahun 1426-1432 M di Kota Batu.<sup>49</sup> Dalam ‘Silsilah Raja-Raja Berunai’ menyebutkan:

*Maka Sharif Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan shari'at nabi kita Muhammad s.a.w di dalam Berunai, dan membuat masjid.*<sup>50</sup>

Sungguhpun telah tercatat dalam sejarah pembinaan masjid ini, namun begitu adalah dipercayai bahawa telah wujud sebelum itu konsep dan peranan masjid seperti surau-surau, balai-balai ibadat dan rumah-rumah persendirian yang dijadikan sebagai tempat perkumpulan bagi orang-orang Islam pada ketika itu, di samping sebagai tempat untuk mempelajari ajaran-ajaran Islam yang diterima daripada para mubaligh Islam yang datang dan singgah di Brunei dan juga sebagai tempat mereka mengerjakan amal ibadat kepada Allah s.w.t. Keadaan ini boleh berlaku kerana Islam telah lama bertapak dan diterima secara resminya di Brunei sebelum itu. Selain itu berkemungkinan juga Sharif Ali adalah salah seorang daripada pengembang agama Islam yang berpengaruh di Brunei kerana dia datang ke Brunei dijangkakan sekitar tahun 1375 M.<sup>51</sup> Sebelum Sharif Ali

<sup>49</sup> Kota Batu terletak kira-kira 2 kilometer dari pusat bandar ibu kota Bandar Seri Begawan. Lihat P.L. Amin Sweeney, *op cit*, hal. 11.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hal. 54.

<sup>51</sup> Awang Muhammad bin Abdul Latif, ‘Kemasukan Agama Islam di Brunei’, *Pusaka*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam, Bil. 2., 1988., hal. 13.

berkahwin dengan Putri Brunei, beliau juga dijangkakan telah lama berada di Brunei dan sudah tentu mempunyai banyak jasa yang dibuatnya sehingga beliau menjadikan dirinya terkenal dan dapat menjadi menantu sultan sebelum diangkat menjadi Sultan Brunei menggantikan bapa mertuanya Sultan Ahmad.

Pada lazimnya masjid lahir serentak dengan wujudnya kelompok masyarakat Islam, baik di mana juga mereka berada.<sup>52</sup> Masjid akan berkembang apabila masyarakat Islam berkembang di sesuatu tempat itu. Dari sejak bertapaknya Islam di Brunei pembangunan masjid semakin berkembang luas selepas tercatatnya pembinaan masjid pertama di Brunei, khususnya pada setiap zaman pemerintahan sultan-sultan yang memerintah seperti pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661-1673 M) sultan Brunei ke 13, baginda telah membina sebuah masjid di atas sebuah pulau iaitu Pulau Chermin. Pembinaan ini serentak dengan pembinaan Istana Baginda dan Lapau, iaitu tempat mengadakan permesyuaratan sama ada peringkat negeri atau pembesar-pembesar negeri. Peristiwa ini berlaku apabila Brunei dilanda perang saudara di antara Sultan Abdul Hakkul Mubin dengan Pengiran Bungsu.<sup>53</sup>

---

<sup>52</sup> Abdul Halim Nasir., *Seni Bina Masjid di Dania Melayu-Nusantara*, UKM, Bangi., 1995., hal. 33.

<sup>53</sup> P.L Amin Sweeney, *op cit*, hal. 61.

Menurut laporan *Spencer St. John*, mengatakan bahawa pada tahun 1836 M telah wujud beberapa buah masjid. Masjid-masjid itu ada yang mengamalkan fahaman agama dan ada yang tidak mengamalkannya.<sup>54</sup> Jika dilihat tahun yang dinyatakan itu adalah berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei Ke-23, yang memerintah antara tahun 1828-1852 M. Laporan tersebut telah membuktikan bahawa kehebatan masjid-masjid pada ketika itu sangat ketara sekali di mana masjid mendapat perhatian penuh di kalangan masyarakat Brunei untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti mengadakan '*Tariqat Samaniyah*' dan sebagainya yang sangat berpengaruh pada ketika itu<sup>55</sup>. Bertolak dari peranan masjid inilah, usaha-usaha untuk memajukan pembangunan masjid dimerata tempat di Brunei telah diambil perhatian oleh pihak kerajaan, di mana pada zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin III, sultan Brunei ke-28 yang memerintah pada tahun 1950-1967 M telah memulakan satu era baru dalam pembangunan Brunei dengan memasukkan pembinaan masjid-masjid di seluruh negara ke dalam Rancangan Kamajuan Negara (RKN),<sup>56</sup> dan perancangan ini masih berterusan hingga sekarang ini.

<sup>54</sup> Spencer St.John, *Life in the Forest of the Far East, Travels in Sabah and Sarawak in the 1860.*, Oxford University Press, Singapore, New York, 1986., hal. 275.

<sup>55</sup> P.L Amin Sweeney, *op cit*, hal 50.

<sup>56</sup> Awang Haji Metussin bin Haji Bakri, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, KHEU, Bandar Seri Bagawan, 1993, hal. 11.

### 3.3.2 Bentuk Pembinaan Masjid

Sesungguhnya pembinaan masjid pertama di Brunei telah dibina oleh Sultan Sharif Ali, akan tetapi tidak terdapat riwayat yang menceritakan mengenai rekabentuk pembinaan masjid tersebut. Menurut riwayat Sepanyol pada tahun 1578 M, telah menceritakan;

*.....Bandar Brunei mempunyai sebuah masjid yang sungguh indah, amat besar dan seluruh bangunannya dipenuhi dengan ukiran-ukiran serta dicat dengan warna keemasan. Tingginya lima tingkat dan (masjid) dibina daripada kayu hitam....<sup>57</sup>*

Laporan Sepanyol ini telah menceritakan kedudukan dan rekabentuk bangunan masjid yang wujud pada zaman keagungan empayar Brunei iaitu pada abad ke XVI M, yang mana Brunei pada ketika itu diperintah oleh Sultan Saiful Rijal yang memerintah dari tahun 1533-1581 M.<sup>58</sup> Mengikut laporan tersebut orang Sepanyol sangat mengagumi dengan kecantikan seni bina bangunan masjid yang dibina oleh orang-orang Islam Brunei pada ketika itu, lebih-lebih lagi bangunan yang dimaksudkan itu mempunyai pengaruh

<sup>57</sup> E.H. Blair and J.A. Robertson., *The Philippine Islands*, Vol.XII., Manila., 1936., hal. 388.

<sup>58</sup> Hj Abdul Karim Hj Abdul Rahman, 'Masjid Brunei Abad Ke-XVI Masihi', *Pusaka*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam., bil. 4., 1991., hal. 27.

yang kuat kepada pembangunan perkembangan ajaran Islam di rantau ini. Selain daripada itu ciri-ciri seni bina yang terdapat pada masjid itu ialah bentuk atapnya yang bertingkat-tingkat sehingga lima tingkat serta dihiasi pula dengan ukiran-ukiran yang menunjukkan betapa indahnya masjid itu serta sangat disayangi dan dihormati oleh masyarakatnya.

Rekabentuk yang digambarkan oleh Sepanyol itu merupakan kombinasi pengaruh tradisi Melayu dan Hindu-Buddha yang semimangnya terkenal di Alam Melayu sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Menurut Abdul Halim Nasir, Seni bina masjid dengan jelas memperlihatkan adanya pengaruh kebudayaan setempat. Maka kerana itulah seni bina masjid, dalam sejarah perkembangannya di seluruh dunia memperlihatkan berbagai-bagai gaya hingga wujudnya bermacam-macam reka bentuk masjid, seperti masjid gaya Arab, gaya Arab-Sepanyol, gaya Parsi (Iran), gaya Turki Usmaniah, gaya India, gaya Cina dan gaya Melayu-Nusantara.<sup>59</sup>

Sebenarnya motif rekabentuk yang terdapat pada masjid tersebut mempunyai hubungkait dengan faktor iklim dan kebudayaan Melayu, yang mana bentuk tersebut mempunyai makna atau tafsiran yang tersendiri yang dihubungkan atau dikaitkan dengan sesuatu yang baru seperti bentuk atap yang lima tingkat itu boleh sahaja dierangkan sebagai

---

<sup>59</sup> Abdul Halim Nasir, *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*, UKM, Bangi., 1995., hal. 21.

lambang rukun Islam yang lima atau lambang kewajiban sebahyang lima waktu sehari semalam. Penafsiran dan penyasuaian sesuatu itu dengan yang lain adalah merupakan sikap yang lazimnya terdapat; dan sebatik dengan kehidupan orang-orang Melayu.<sup>60</sup> Dari segi hubungannya dengan faktur iklim, bentuk bumbung atau atap yang bertingkat-tingkat itu adalah bersesuaian dengan keadaan iklim tropika yang lembab iaitu panas dan hujan sepanjang tahun. Selain itu juga keadaan atap yang bertingkat-tingkat itu boleh mengurangkan kederasan air hujan, yang sekiranya tidak demikian akan cepat merosakkan atap masjid, begitu juga iaanya berfungsi bagi mengurangkan hawa panas dari pancaran matahari dan dengan ketinggiannya itu juga, memudahkan udara keluar dan masuk melalui ruang-ruang di antara tingkat atap tersebut.

Jika dibandingkan rekabentuk seni bina masjid dahulu dan sekarang, jelas memperlihatkan perbezaan yang jauh sekali. Meskipun terdapat beberapa masjid yang mengekalkan tradisi lama, akan tetapi cara pembinaannya sudah tentu tidak sama. Ini juga berhubungkait dengan pengaruh daripada faktur masa dan zaman, kerana peredaran masa, dari satu masa ke satu masa dan dari satu kurun ke satu kurun menyebabkan terdapatnya perubahan besar berlaku dalam struktur pembinaan sesebuah bangunan atau masjid itu. Cuma satu perkara yang tidak boleh berubah ialah sifat atau konsep dan fungsi masjid itu sendiri. Di dalam *al-Quran* dan *al-Hadith* pula tidak menyebutkan dan menentukan

---

<sup>60</sup> Hj Abdul Karim Hj Abdul Rahman, *op cit*, hal. 27.

bagaimana rekabentuk masjid yang sepatutnya dibina. Akan tetapi *al-Quran* dan *al-Hadith* lebih banyak menyentuh berhubung dengan cara-cara beribadat dan beramal yang boleh atau tidak boleh dilakukan apabila berada di dalam masjid. Maka oleh sebab inilah, beberapa perubahan dalam struktur pembinaan masjid boleh berlaku sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

### **3.3.3 Sembutan Masyarakat Kepada Masjid.**

Berdasarkan fakta sejarah yang telah dikemukakan dalam bab-bab sebelum ini, menunjukkan bahawa masjid itu merupakan sebuah institusi yang sangat besar pengaruhnya dalam kehidupan umat Islam. Masjid yang pada asalnya merupakan tempat perkumpulan atau tempat orang-orang Islam berjemaah di dalamnya, adalah juga menjadi lambang keutuhan dan perpaduan umat Islam sejagat. Sebab itu tidak hairanlah jika dikatakan bahawa masjid itu lahir serentak dengan wujudnya kelompok masyarakat Islam, baik di mana juga mereka berada.

Seperti juga di negeri-negeri kepulauan Melayu yang lain, pendirian atau pembinaan masjid adalah merupakan suatu syiar yang membanggakan, dan boleh menimbulkan semangat kerohanian yang tinggi kepada masyarakat Islam. Ini kerana

Islam telah menjanjikan kepada sesiapa sahaja daripada umatnya yang mendirikan masjid akan mendapat ganjaran yang besar di akhirat kelak. Seperti mana sabda Rasulullah s.a.w:

من بنى مسجداً يذكر فيه اسم الله، بنى الله له بيته في الجنة.<sup>61</sup>

Terj: *Barangsiaapa yang membina masjid kerana Allah, di dalamnya di sebutkan namanya, nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di dalam syurga.*

Ganjaran yang dijanjikan itu adalah merupakan satu galakkan atau semangat kepada umat Islam betapa pentingnya mendirikan atau membina sesebuah masjid itu yang dianggap sebagai rumah Allah tempat orang-orang Islam berkumpul dan beribadat kepada Allah s.w.t lebih-lebih lagi ianya juga di anggap sebagai ganti kepada *Ka'batullah*<sup>62</sup> *al-Haram* di Mekkah. Berdasarkan kepada kenyataan inilah, menimbulkan rasa hormat dan mengagongkan identiti masjid itu sebagai syiar Islam, merasuk ke dalam jiwa masyarakat Islam Brunei pada ketika itu. Ini terbukti pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali seluruh masyarakat Islam Brunei telah sama-sama berganding bahu serta bergotong-royong dalam melibatkan diri pada kerja-kerja amal kebajikan untuk mendirikan dan membina sebuah masjid yang pertama di Brunei. Dalam hal ini ‘Silsilah Raja-Raja

<sup>61</sup> Ibn Majah., *op cit*, *Kitab al-Masājid wa al-Jamā'at*, *Bab Man Bana Lilāh Masjidan*, Kaherah., t.t., bil. 735., 1: 243. Menurut kitab *al-Zawaīd*: Hadis Umar ini adalah *Mursal*, kerana Uthman Ibn Abd Allah Ibn Suraqah meriwayatkan daripada Umar Ibn al-Khattab nenek bagi ibunya, dan dia tidak mendengar daripadanya, sebagaimana juga kata al-Mazziy dalam *al-Tahdhīb*.

<sup>62</sup> P.L Amin Sweeney, *op cit*, hal. 29.

Berunai' telah membayangkan betapa padunya sembutan dan semangat masyarakat Islam Brunei dalam sama-sama mempertahankan kesucian dan keagongan agama Islam pada ketika itu. 'Silsilah Raja-Raja Berunai' menyebutkan :

*Shahadan sebermula adapun apabila berbuat masjid, maka pengeraian Temenggong mengepalakan dengan segala raja-raja dan isi negeri. Ada pun masjid itu, ada kalanya dua pangkat atau tiga pangkat. Maka yang pada pehak kanan, Pengeraian Bendahara dengan segala ceteria menterinya empunya suku, dan yang pada pehak kiri, Pengeraian Temenggong mengepalakan dengan segala ceteria menterinya. Dan yang suku dari belakang, Pengeraian Di Gadong dengan segala anak raja-raja dan pekayoh istana dan menteri. Adap kepada penjuru kiblat, segala Datu' Imam Khatib mengepalakan serta mudim dan segala anak raja-raja muda-muda mana yang anak murid-muridnya, kerana masjid itu ganti Ka'batu 'llah yang di Mekka, sebab/itulah maka di besarkan mengerjakan dia, ra'yat menteri sekelian raja-raja; fardhu segala raja yang Islam mendirikan masjid seperti sabda Nabi s.a.w.: Tempat menyembah Allah Ta'alaa, maka barangsiapa berbuat dia, kelak-kelak di perbuatan mahligai di dalam syurga, dan barangsiapa menerangkan atau memasang pelita di dalamnya, maka di terangkan Allah Ta'alaa di dalam kuburnya. Maka tiada fakir berlanjutkan kalam-kalam perkataan pahalanya.*

*Maka berbuat mihrab ya'ni tempat perimaman, datu seorangnya, dan Pengeraian Bandahara memberi bertikar yang kanan dan Pengeraian Temenggong memberi bertikar sebelah kiri, dan Pengeraian Di Gadong memberi pemajang, dan Pengeraian Shahbandar memberi tungkul Jumaat. Dan apa bila Duli Yang Di Pertuan sembahyang Juma'at, maka di bubuh chandu dan permaidani akan tempatnya sembahyang daripada pehak kanan mimber; di sisinya Pengeraian Bandahara dan Pengeraian Di Gadong dan segala raja-raja di dalamnya; dan pada pihak kiri Pengeraian Temenggong dan Pengeraian Pemancha dan*

*pengeran Shahbandar dengan segala cheteria pengalasan; dan satar yang kedua segala menteri, dan yang berbetulan mimber, segala 'ulama' dan segala hulubalang, dan jika segala orang/baik-baik yang mudamuda pada satar yang ke empat segala fakir dan miskin dan barang 'sebagainya tiada h-a-l-y banyak satarnya. Sebermula di hadapan pintu masjid itu suatu balai akan tempat duduk selagi belum masuk waktu atau menanti raja-raja datang; dan yang mengerjakan balai itu , imam dengan siraja khatib dan udana khatib dan khatib dan mudim itulah mengerjakan balai dengan segala murid-muridnya.<sup>63</sup>*

Penglibatan masyarakat Islam Brunei dalam soal-soal yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti keagamaan pada ketika itu amatlah jelas dengan lebih menunjukkan rasa kecintaan yang padu kepada Allah s.w.t, daripada semua golongan lapisan masyarakat sama ada dari peringkat atasan mahu pun bawahan sama-sama mempunyai niat yang sama semata-mata menuntut keridaan Allah s.w.t.

Kemantapan hidup beragama di kalangan masyarakat Brunei sememangnya wujud sejak zaman berzaman lagi. Ini disebabkan pengaruh yang ditonjolkan sendiri oleh tampuk pemerintahnya yang taat beragama serta ingin menjadikan Islam itu sebagai pegangan bagi setiap penduduknya. Sebagai bukti kepada kenyataan ini, sewaktu Brunei menjadi sebuah negara yang berpengaruh serta disegani di rantau ini, iaitu selepas jatuhnya

---

<sup>63</sup> *Ibid*, hal. 28-29.

empayar Islam Melaka ke tangan Portugis, telah berlaku satu perperangan anatara Brunei dengan Sepanyol pada tahun 1578 M. Perperangan ini berlaku disebabkan kemarahan Sepanyol terhadap para mubaligh Brunei yang giat menyebarkan ajaran agama Islam di kepulauan Filipina, sehingga mereka tidak berpeluang untuk menyebarkan agama Kristian di kepulauan tersebut. Akibat dari tindakan para mubaligh ini, Sepanyol telah menyerang Brunei pada 16hb. April, 1578M, dan berjaya menawan Brunei pada ketika itu. Meskipun mereka berjaya menawan Brunei, mereka tidak dapat bertahan lebih lama di Brunei kerana misi mereka untuk mengkristian penduduk Brunei tidak berhasil sama sekali, dan akhirnya mereka dapat dihalau oleh penduduk Brunei setelah menduduki Brunei selama lebih dua bulan. Walau bagaimanapun, sebelum meninggalkan Brunei mereka sempat membakar sebuah masjid, yang mereka anggap sebagai dalang yang melemahkan misi mereka serta pusat kekuatan dakwah Islamiah di rantau ini. Peristiwa ini telah dirakamkan dalam sebuah laporan Sepanyol yang menceritakan bahawa:

*Brunei berbangga dengan sebuah masjid yang sungguh indah, tinggi lima tingkat dan dibina daripada kayu hitam yang orang-orang Sepanyol panggil 'ebony'. Pada waktu senja hari Isnin 23hb. Jun, 1578, Doktor Sande telah membakar bangunan besar itu. Ianya terbakar sepanjang malam dan pagi esoknya tidak ada apa-apa yang tinggal, tiga hari kemudian dia pun belayar pergi.<sup>64</sup>*

---

<sup>64</sup> Robert Nicholl, "Myth and Legend in Brunei History" ., BMJ., Vol. VI., No.1., 1985., hal. 40.

Meskipun masjid itu telah dibakar, namun jiwa masyarakat Islam Brunei tidak mudah untuk dibakar, bahkan semangat juang dalam menyebarkan dakwah Islamiah terus dipergiatkan dan diperkuuhkan. Apa yang dilakukan oleh pihak Sepanyol itu hanyalah semata-mata untuk melepaskan geram sahaja tanpa memberi kesan yang positif untuk mengekang penyebaran agama Islam di rantau itu. Perbuatan sia-sia Sepanyol itu membuktikan dengan sendirinya bahawa kebenaran fungsi dan peranan masjid dalam Islam itu adalah diakui sebagai berjaya dalam memainkan peranannya di dalam agama Islam itu sendiri.

### **3.3.4 Institusi Khatib Dan Peranannya**

Setelah wafatnya Nabi Muhammad *s.a.w.*, agama Islam telah berkembang mekar dengan cepatnya keseluruh pelusuk dunia. Salah satu tanda mercu terpenting bertapaknya agama Islam itu ialah berdirinya bangunan masjid. Sebagaimana yang sedia kita maklumi bahawa masjid itu adalah tempat berkumpulnya orang-orang Islam untuk mengerjakan amal ibadat dan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dan sebagainya pada setiap masa dan waktu. Di antara perkara yang pesti berlaku di dalamnya ialah sembahyang berjemaah, berkhutbah dan sebagainya. Ini menunjukkan terdapat dua tugas yang

berlainan perlu wujud pada masjid itu, iaitu sebagai Imam dan Khatib (pembaca khutbah). Imam itu ertinya seorang ketua atau ikutan orang-orang muslimin yang mengetuai sesuatu kumpulan dalam sembahyang khususnya. Sabda Rasulullah s.a.w.<sup>65</sup>

إِنَّمَا جَعَلَ الْإِمَامَ لِيُؤْمِنَ بِهِ، إِنَّمَا كَبَرَ فَكَرُوا، وَلَا تَكْبِرُوا حَتَّىٰ يَكُبُرُ،  
وَإِنَّمَا رَكِعَ فَارْكَعُوا، وَلَا تَرْكِعُوا حَتَّىٰ يَرْكُعَ، إِنَّمَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِسَانَ  
حَمْدَهُ، فَقُولُوا: اللَّهُمَّ رَبُّنَا لِكَ الْحَمْدُ، قَالَ مُسْلِمٌ: وَلِكَ الْحَمْدُ، إِنَّمَا  
سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَلَا تَسْجُدُوا حَتَّىٰ يَسْجُدَ، إِنَّمَا صَلَّى قَائِمًا  
صَلَوةً فَاصْلُوْهَا، وَلَا تَصْلُوْهَا حَتَّىٰ يَصْلُوْهَا أَجْمَعُونَ.<sup>65</sup>

Terj: "Sebenarnya imam itu ditugaskan ialah untuk dijadikan ikutan, oleh itu apabila ia bertakbir hendaklah kamu bertakbir, dan janganlah kamu bertakbir sehingga ia bertakbir (lebih dahulu), demikian juga apabila ia ruku' hendaklah kamu ruku', dan janganlah kamu ruku' sehingga ia ruku' (lebih dahulu), dan apabila ia mengangkat kepala daripada ruku' dan membaca: سَمِعَ اللَّهُ لِسَانَ حَمْدَهُ hendaklah kamu membaca: اللَّهُمَّ رَبُّنَا لِكَ الْحَمْدُ telah berkata Muslim: ذلك الحمد ربنا لك الحمد demikian juga apabila ia sujud hendaklah kamu sujud, dan janganlah kamu sujud sehingga ia sujud (lebih dahulu), dan apabila ia sembahyang dengan berdiri hendaklah kamu sembahyang dengan berdiri, dan apabila ia sembahyang dengan duduk hendaklah kamu semua sembahyang dengan duduk".

<sup>65</sup> Al-Sijistānī, *Sunan.., Kitāb al-Salāt, Bāb al-Imām Yusallī min Qu'ūd*, bil. 603., 1: 161.

Manakala Khatib pula ialah pembaca khutbah seperti khutbah Jumaat, khutbah dua hari raya, khutbah gerhana matahari dan sebagainya. Pada zaman Rasulullah s.a.w kedua-dua tugas ini dijalankan sekali oleh Baginda sendiri, begitu juga para sahabat Baginda dan Tabi'yn yang ditugaskan untuk menjadi Imam di sesuatu tempat itu mereka juga menjadi khatib. Di sini menunjukkan kedua-dua tugas ini kebiasaan dilakukan oleh seorang Imam atau petugas sahaja.

Di Brunei Darussalam masjid telah ditadbir oleh Imam dan Khatib. Kedua-dua jawatan ini berlainan dari segi makna tetapi sama dari segi perlaksanaan tugas dan perkerjaan di masjid, begitu juga Bilal dan Mudim. Sebenarnya di Brunei terdapat dua kategori masjid yang mempunyai perbezaan antara satu dengan lain, dan ditadbir oleh dua jawatan yang berlainan. Masjid-masjid tersebut ialah;

- i. Masjid Negara iaitu terdiri daripada Masjid Omar Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah. Kedua masjid ini ditadbir oleh orang-orang yang digelar oleh Raja atau Sultan mengikut adat istiadat Brunei. Imam bagi masjid-masjid ini digelar sebagai salah satu dari 'Manteri Ugama' iaitu Pehin Khatib. Begitu juga bilalnya digelar mengikut adat istiadat Brunei sebagai Mudim.

- ii. Masjid-masjid Utama atau Mukim dan juga masjid-masjid kampong. Kesemua masjid-masjid ini ditadbir oleh orang-orang yang ditauliah oleh Raja atau Sultan sebagai Imam dan juga Bilal.<sup>66</sup>

Mengikut catatan sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam mempunyai Adat Istiadatnya tersendiri. Seperti negara-negara Melayu-Nusantara yang lain Brunei telah mengamalkan adat istiadatnya sendiri sejak dahulu kala lagi, seperti adat temenggung,<sup>67</sup> Hukum Kanun, Syariat Islam dan adat resam.<sup>68</sup> Kesemua ini mendorong Brunei masih mengamalkan adat istiadatnya hingga sekarang. Di antaranya yang masih wujud ialah istiadat bergelar, istiadat ini bertujuan untuk menggelar orang-orang yang difikirkan layak untuk menjawat gelaran tersebut. Salah satu daripada gelaran-gelaran yang dianggap

<sup>66</sup> Menurut adat istiadat Brunei seseorang Imam atau Bilal tidak boleh menjadi Imam atau bilal di masjid-masjid negara selagi ia tidak di gelar Pehin Khatib atau Mudim mengikut adat istiadat Brunei. Begitu juga Mudim itu sendiri tidak boleh membaca khutbah di masjid-masjid negara dan juga di masjid-masjid pekan mahupun kampung. (Temubual penulis dengan Haji Yussuf bin Haji Ismail, Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam pada 22hb. Julai, 1996).

<sup>67</sup> Siti Zaliha bte Abu Salim. *Op cit.*, hal. 56.

<sup>68</sup> Fatimah Mohd. Daud, 'Kerajaan Islam Di Brunei Suatu Tinjauan Sejarah', *Pusaka*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam., bil. 3., 1990., hal. 31.

tinggi selepas Cheteria<sup>69</sup> ialah Manteri-Manteri Ugama yang terdiri daripada seorang Kepala Manteri iaitu Pehin Datu Seri Maharaja (Mufti), 4 orang Imam iaitu Pehin Datu Imam, Pehin Siraja Khatib, Pehin Tuan Imam dan Pehin Udana Khatib, 4 orang Pehin Khatib dan 4 orang Mudim (bukan Manteri).<sup>70</sup>

Sistem pentadbiran Islam di Brunei dipercayai sudah wujud seiring dengan perkembangan Islam di Brunei, khususnya pada zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali. Pada zaman itu masjid pertama telah didirikan di Brunei, ini menguatkan lagi kewujudan para pentadbir masjid seperti Imam dan Khatib pada ketika itu. Menurut Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, gelaran adat istiadat Manteri-Manteri Ugama telah wujud sekurang-kurangnya pada zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal lagi, Sultan Brunei ke-7 (1575-1600?).<sup>71</sup> Sumber terawal yang menyentuh perkara ini terdapat dalam laporan Sepanyol pada tahun 1578M, yang mengatakan telah terdapat seorang Khatib di Brunei yang berperanan sebagai

<sup>69</sup> Cheteria ialah gelaran khusus bagi Pegiran-Pengiran atau keluarga-keluarga di raja sahaja.

<sup>70</sup> Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Yang Dimuliakan PSKDPSS., ‘Pehin-Pehin Manteri Ugama Sebagai “Institusi” Dan Peranan Mereka Dalam Pentadbiran Dan Pemerintahan Negara Brunei Darussalam’, Kertas kerja Seminar Antarabangsa Tamadun Islam Di Alam Melayu, Anjuran KHEU, Bandar Seri Begawan, Pada 1hb-5hb Jun, 1989.

<sup>71</sup> *Ibid*, hal. 5.

pembaca khutbah di masjid.<sup>72</sup> Dalam laporan Sepanyol pada tahun 1590 M, menjelaskan tentang peranan para khatib di Brunei pada ketika itu, sebagaimana disebutkan:

*Ada tiga jenis (orang) agama.... yang mereka panggil "Catif". Daripada tiga orang "Catif" ini, yang tertinggi ialah seorang sahaja yang mereka panggil "Catif besar"..... yang lain mereka panggil "Catif" adalah tidak lebih daripada mereka yang mempunyai tugas menyediakan masjid dan memberitahu nama hari-hari dan mengkhatah apabila seseorang berkhatan.*<sup>73</sup>

Dalam laporan tersebut menunjukkan betapa pentingnya pengaruh dan peranan khatib itu dalam pentadbiran agama dan juga kepada hal ehwal kemasyarakatan di Brunei. Berkemungkinan apa yang di maksudkan dengan Khatib Besar itu ialah Siraja khatib dan dua Khatib Kecil itu pula ialah Udana Khatib dan Khatib. Selain daripada itu tidak kurang pentingnya peranan para Khatib kepada hal ehwal kenegaraan, umpamanya pada abad ke-18M, Raja Bendahara Seri Maharaja Permaisuara pernah mengutuskan satu rombongan keluar negara iaitu ke Jambi yang terdiri daripada Pehin Seri Raja Khatib, Seri Laila Diraja dan Seri Setia Pahlawan untuk merundingkan pembelian ubat bedil dan kain

<sup>72</sup> E.H. Blair and J.A. Robertson, *The Philippine Islands 1493-1803.*, Vol. IV, 1576-1582., hal. 226.

<sup>73</sup> John S. Carroll., *Brunei in the Boxer Codex.*, JMBRAS., Vol. 55., Pt. 2., 1982., hal. 9.

gaberdin.<sup>74</sup> Begitu juga pada tahun 1807M Pehin Khatib Haji Abdul Latif telah dititahkan oleh Sultan Muhammad Tajuddin untuk membeli sebuah rumah wakaf di Mekah bagi tujuan sebagai tempat kediaman jemaah-jemaah haji Brunei yang menunaikan fardu Haji di Mekah.<sup>75</sup> Penglibatan Pehin-Pehin Khatib itu mempunyai hubungan dengan ketinggian ilmu pengetahuan yang mereka miliki terutama sekali dalam hukum jual beli dan juga bidang penulisan. Dengan adanya ilmu-ilmu ugama yang tinggi di kalangan Manteri-Manteri Ugama ini telah menjadikan mereka mempunyai kemahiran dalam bidang penulisan. Sebagai contoh, Silsilah Raja-Raja Berunai, telah di tulis oleh Datu Imam Yaakub pada tahun 1735 M atas titah perintah Sultan 'Alauddin (1730-1745M) iaitu sultan Brunei ke-17, kamudian disambung dan diselesaikan oleh Pehin Khatib Haji Abdul Latif bin Haji Taha pada tahun 1807 M atas titah perintah Sultan Muhammad Tajuddin (1795-1804M) dan (1804-1807M) iaitu sultan Brunei ke-19, kamudian disalin semula oleh Pehin Datu Imam Aminuddin bin Orang Kaya Digadong Liwaddin pada tahun 1841M.<sup>76</sup>

<sup>74</sup> Lihat salinan surat yang tersimpan di British Muzium sejak tahun 1752. Surat ini mungkin ditulis oleh Raja Bendahara Pengiran Muda Bungsu, adinda kepada Sultan Husain Kamaluddin, anak Sultan Haji Mohd. Ali, atau anak Raja Bendahara iaitu Raja Bendahara Sakam.

<sup>75</sup> P.L. Amin Sweeney, *op. cit*, hal. 70, dan lihat juga salinan surat perlantikan Nadzir yang menyelenggarakan rumah wakaf al-Marhum Sultan Muhammad Tajuddin di Mekah tahun 1809, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

<sup>76</sup> P.L.Amin Sweeney, *op cit*, hal. 2 -3.

Penglibatan para Manteri Ugama khususnya Imam dan Khatib dalam hal ehwal negara dan masyarakat tidak dapat di sangkalkan, kerana mereka ini adalah golongan elit dan alim ulama serta mendapat kepercayaan daripada Istana, kerajaan dan masyarakat. Penglibatan mereka dalam politik negara dapat kita lihat pada tahun 1885M, apabila Pehin Datu Imam Haji Abd.Nakim bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Ibrahim, Pehin Siraja Khatib Mohd.Daud bin Radin dan Pehin Khatib Mohd. Abd.Rahman dilantik oleh Sultan Abd. Momin sebagai saksi dalam satu perjanjian dengan pembesar-pembesar Brunei mengenai dengan masalah Limbang pada 20hb. Februari, 1885M.<sup>77</sup> Pada tahun 1907M apabila Majlis Mesyuarat Negeri Brunei yang pertama di tubuhkan iaitu setelah Brunei menjadi negara naungan British, seorang daripada Manteri Ugama iaitu "Tuan Imam" telah dilantik menjadi ahli Majlis itu mengikut perlembagaan (*Constitutional Right*).<sup>78</sup> Sejak dari tahun 1907M hingga tahun 1959M sebelum tertubuhnya

<sup>77</sup> Lihat surat perjanjian mengenai dengan masalah Limbang pada 20hb.Februari,1885, yang tersimpan di Pusat Sejarah Brunei.

<sup>78</sup> Hickling, R.H, *Memorandum upon Brunei Constitutional History and Practice*, 1955., hal. 30.

Perlembagaan Brunei 1959, seramai tiga orang Manteri Ugama dan seorang Cheteria iaitu Kadi Besar<sup>79</sup> (bukan Manteri) telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>80</sup>

:

Dari segi pendidikan pula para khatib juga bertanggongjawab dalam perkembangan pendidikan ugama Brunei, mereka bukan sahaja bertugas di masjid-masjid dan juga di Istana Sultan malah di antara mereka ada yang mendirikan balai-balai atau surau berdekatan dengan tempat tinggal mereka.<sup>81</sup> Ini bertujuan supaya penduduk-penduduk kampong tersebut dapat mengikuti pelajaran ugama yang diberikan oleh mereka, di samping sama-sama bersembahyang berjemaah khususnya sembahyang fardu Maghrib dan Isya'. Pada tahun 1936 M pula peranan Imam-Imam dan Khatib-Khatib dalam pendidikan kerajaan pula telah memainkan peranan yang penting apabila para Imam dan Khatib ditugaskan sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah melayu kerajaan khususnya untuk mengajar matapelajaran ugama yang dinamakan "Pelajaran Syariah" yang berhubung dengan pelajaran sembahyang dan Tauhid iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam, sehingga pada tahun 1948M telah ditubuhkan satu bentuk kawalan terhadap

<sup>79</sup> Mereka ialah Pehin Datu Imam, Pehin Siraja Khatib, Tuan Imam dan Pengiran Digadong Pengiran Haji Mohammad Salleh. Lihat Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, YDPSKDPSS, *op. cit.*, hal. 6,7-8.

<sup>80</sup> *Ibid*, hal. 7. Mungkin dapat disimpulkan bahawa lantikan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri itu pada asasnya adalah lantikan untuk "*Chief Kadhi*" (Kadi Besar) dan bukan kerana gelaran Manterinya.

<sup>81</sup> Haji Metussin Bin Haji Baki, *op cit.*, hal. 9.

pelajaran ugama di Sekolah-sekolah Melayu Kerajaan dengan terlantiknya seorang Khatib menjadi *Chief Instructor* iaitu Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah dan seorang Imam iaitu Pehin Tuan Imam Haji Mohd. Saad menjadi Nazir di samping menjadi tenaga pengajar.<sup>82</sup>

Jika dilihat peranan dan fungsi para Imam dan Khatib sejak mula wujudnya di Brunei, maka kita dapat bahawa golongan ini sangat penting sekali dalam memperkembangkan dan mempertahankan ajaran agama Islam daripada pengaruh-pengaruh dan juga penyelewengan-penyelewangan yang boleh merusak aqidah dan fahaman sama ada daripada golongan pemimpin mahupun rakyat jelata. Jawatan-jawatan mereka jarang sekali kosong, kerana keperluan keugamaan dan negara dalam banyak hal, sama ada dalam upacara beristiadat di Istana, Lapau dan lain-lain tempat yang beristiadat, kerana tanpa kehadiran mereka di majlis-majlis atau acara-acara tersebut tidak akan menjadi lengkap dan sempurna.<sup>83</sup> Dengan jasa dan tanggungjawab yang pernah dipikul oleh para Imam dan Khatib ini menyebabkan gelaran-gelaran seperti ini masih tetap wujud

<sup>82</sup> Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim, YDPSKDPSS, *op.cit*, hal. 8. Lihat juga Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim, YDPSKDPSS, ‘Peranan Institusi-Institusi Islam di Negara Brunei Darussalam’ 1987, hal. 2. dan Lihat juga A. Aziz Juned, ‘Buku Kenang-Kenangan Berpuspa’, JHEU, 1968, dan Lihat juga Metassim bin Haji Jibah, ‘Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei Dalam Pentadbiran Sistem Residen’, 1906-1959, BMJ, Vol.5, No.3, 1983, pp. 1-6.

<sup>83</sup> *Ibid*, hal. 12.

dan "survive" hingga sekarang, tanpa banyak perubahan walaupun pemerintahan politik negara berubah sejak tahun 1906M.<sup>84</sup> Keunggulan institusi ini akan tetap berterusan bilamana pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan Brunei sekarang berusaha untuk menghidupkan kembali gelaran-gelaran mengikut adat istiadat Brunei yang lalu, dipenuhi kembali dari kekosongan. Usaha ini dapat kita lihat bilamana istiadat bergelar atau menyampiri gelaran kepada orang-orang berkenaan telah diadakan di Brunei pada pertengahan tahun 1996 M yang lalu, melibatkan ramai daripada golongan masyarakat Brunei telah pun digelar bagi mengisi kekosongan-kekosongan tersebut.

### **3.4 Masjid Dalam Undang-Undang Brunei**

Dalam undang-undang Brunei terkandong padanya satu akta yang dipanggil sebagai Akta Majlis Agama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, pindaan 1984. Akta ini merupakan khusus bagi perkara-perkara yang bersangutan dengan hal ehwal ugama Islam di Negara Brunei Darussalam sahaja.

---

<sup>84</sup> *Ibid.*

Sebagai sifatnya yang umum itu, akta ini telah memperuntukan beberapa bab atau seksyen di dalamnya berhubung dengan masjid, perlantikan imam-imam dan sebagainya, khususnya dalam perkara-perkara yang bersangkut paut dengan institusi-institusi masjid dan organisasinya.

### 3.4.1 Peranan Majlis Ugama Islam Brunei

Apabila Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (Sultan Brunei ke 28) memerintah negeri Brunei bermula pada 6hb. Jun 1950-1967M bagi menggantikan kakanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin yang lindung pada 4hb. Jun 1950M, baginda telah memulakan era baru dalam pembangunan negeri Brunei sehingga baginda terkenal dalam sejarah Brunei sebagai "Akitek Brunei Moden".<sup>85</sup>

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri ini, baginda telah berjaya menangani isu-isu politik yang bergolak di dalam negeri dan juga luar negeri khususnya

---

<sup>85</sup> Buku kenang-kenangan '*Perpuspaan 1 Ogos 1968*', Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei., 1968., hal. 39.

dalam hal-hal pentadbiran negeri yang selama itu dikuasai oleh *British Resident*.<sup>86</sup>

Baginda telah berjaya menandatangani satu perjanjian bertulis dengan kerajaan British pada 29 hb September 1959M di Brunei, yang dinamakan dengan "Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei" (PBNB), yang antara lain memperuntukkan pentadbiran dalam negeri Brunei yang selama ini dipegang oleh *British Resident* ditiadakan dan diganti dengan jawatan Menteri Besar. Di samping itu dalam perlembagaan tersebut baginda telah meletakkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara.<sup>87</sup>

Sebagaimana yang termaktub di dalam PBNB bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara maka dalam masa pemerintahan baginda ini satu perubahan besar dalam pentadbiran Islam telah berlaku dimana baginda sendiri telah memperkenankan satu pertubuhan atau perbadanan berkanun di tubuhkan atas nama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Adat Istiadat Brunei. Perbadanan ini telah ditubuhkan dalam tahun 1955M oleh Undang-Undang No. 20 Tahun 1955 iaitu Akta Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955<sup>88</sup>, yang berkuatkuasa pada 1hb. Februari 1956M.

<sup>86</sup> Lihat *The Brunei Annual Report*, 1946., hal. 82. menyebutkan : 'His Highness will receive a British Officer to be styled Resident.... The Resident will be the Agent and Representative of His Britannic Majesty's Government under the High Commissioner for the British Protectorate in Borneo, and his advice must be taken and acted upon on all questions in Brunei other than those affecting the Mohammedan religion'.

<sup>87</sup> *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, hal. 32.

<sup>88</sup> Gelaran bagi Undang-Undang ini sebelum di pinda pada tahun 1984.

Majlis Ugama Islam Brunei atau disebut dalam bahasa Inggerisnya “*The Religious Council*” sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi,<sup>89</sup> adalah merupakan sebuah badan yang kekal turun-temurun serta mempunyai meterai atau cop mohornya tersendiri.<sup>90</sup> Badan ini juga adalah merupakan institusi Agama Islam yang tertinggi di negara Brunei Darussalam. Selain itu menurut Akta ini juga, badan ini berkuasa mendakwa dan ianya juga boleh didakwa atas namanya yang diperbadankan itu.<sup>91</sup>

Sebagai sebuah badan atau institusi yang berkanun dan tertinggi di Negara Brunei Darussalam, tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam Brunei adalah untuk menasihati Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua tertinggi agama di negara ini, dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Hal ini telah dibutirkkan dalam ‘Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi’, Penggal 77, Seksyen 38, antara lain menyebutkan:

---

<sup>89</sup> Gelaran bagi Undang-Undang ini selepas pindaan 1984.

<sup>90</sup> *Ibid*, Seksyen: 6.

<sup>91</sup> *Ibid*, Seksyen: 7.

*Majlis hendaklah, bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini.*

Jika dilihat tanggungjawab dan bidangkuasa Majlis Ugama Islam yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ini, sangatlah berat sekali, kerana ia adalah induk bagi dasar pentadbiran agama Islam di Negara Brunei Darussalam dan bertanggungjawab dalam semua aspek yang bersangkut-paut dengan keagamaan (agama Islam). Kerana itu menurut undang-undang ini adalah menjadi kebijaksanaan Sultan yang memerintah melantik ahli-ahlinya dari kalangan orang-orang kenamaan dan ‘Alim Ulama’ yang berkelibar sahaja yang layak untuk menjadi ahli tersebut. Adapun keramaian ahli-ahli yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengikut undang-undang ini ialah seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua dan tidak kurang daripada 6 orang ahli-ahli yang lain.<sup>92</sup> Manakala pusat pentadbiran Majlis Ugama Islam ini pada mulanya dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama yang sekarang ini dinaikan taraf

---

<sup>92</sup> *Ibid*, Seksyen 13. (1),

sebagai Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam pada tahun 1986M sehingga sekarang.

Selain daripada itu bidangkuasa yang diperuntukkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei ialah; MUIB berkuasa dan boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta benda alih dan takalih dari setiap jenis, dan tertakluk kepada syarat-syarat dari mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh perkara yang sama boleh memindah hak, menyerah hak, menyerah balik dan menghasilkan, mencagar, menggadai janji, memajak, menyerah hak semula, memindah milik atau dengan jalan lain melepaskan, atau mengendalikan, mana-mana harta benda alih atau takalih yang diletak dalam tangan Majlis (MUIB) atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis (MUIB) dan menurut hukum syarak.<sup>93</sup>

Majlis Ugama Islam Brunei juga adalah menjadi nazir dengan kuatkuasa undang-undang ini kepada kesemua masjid-masjid yang terdapat di dalam negeri ini. Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, Seksyen 123, menyebutkan:

---

<sup>93</sup> *Ibid*, Seksyen 8.

*Dengan tidak menghiraukan mana-mana syarat yang bertentangan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi penerima tunggal bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam dan setiap masjid, bersama dengan mana-mana harta benda takalih di mana ianya terdiri atau yang berkaitan dengannya dan digunakan bagi maksud-maksud daripadanya, selain daripada tanah Negara atau tanah yang disimpan bagi maksud awam, hendaklah setelah pendaftaran di bawah Undang-Undang Tanah, dan tanpa apa jua pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik apa pun diletak dalam tangan Majlis bagi maksud-maksud Akta ini.*

Majlis Ugama Islam Brunei selain menjadi pengawas atau nazir kepada masjid-masjid seluruh negara, ianya juga berkuasa dan boleh mengeluarkan fatwa-fatwa agama di dalam negara ini dan berkuasa memberi kebenaran kepada orang-orang Islam memunggut derma di dalam negeri ini bagi tujuan-tujuan keugamaan, berkuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat, pentadbir harta pusaka atau pemegang amanah bagi sebarang amanah, berkuasa untuk memunggut semua zakat dan fitrah, berkewajiban menjaga dan menanggung belanja orang mua'laf dan berkuasa mengeluarkan kebenaran bagi sebarang pengajaran agama Islam di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu juga MUIB berkuasa menasihat dan mencadangkan perlantikan Mufti, Kadi Besar, Timbalan Kadi Besar, Kadi-Kadi Daerah, Pegawai-Pegawai Masjid, Amil-Amil dan Jurunikah-Jurunikah di Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa terdapatnya kekosongan pada jawatan-

jawatan tersebut dengan dilantik dan diberi tauliah oleh Sultan sendiri akan pegawai-pegawai tersebut.<sup>94</sup>

:

Peranan MUIB bukan hanya menangani isu-isu yang berhubung dengan hal ehwal keagamaan sahaja, akan tetapi MUIB juga mempunyai Jawatankuasa-Jawatankuasa tetap yang dikhususkan bagi menangani perkara-perkara yang berhubung dengan Undang-Undang dan Kehakiman. Kedua-dua Jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Kehakiman, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, hendaklah dipengerusikan oleh Mufti yang dengan sendirinya sebagai Ahli Majlis Ugama Islam kerana jawatannya.<sup>95</sup> Tugas-tugas Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut antara lain ialah:

#### 1- Jawatankuasa Undang-Undang.

:

- a. Menimbangkan dan mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai dengan ajaran ugama Islam bagi pihak dan atas nama Majlis Ugama Islam.

---

<sup>94</sup> Ibid, Seksyen 129 dan 130. Lihat juga Buku Kenang-kenangan, ‘Isti’adat Pembukaan (Bangunan Baru) Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei’, 1966, hal. 51, 52.

<sup>95</sup> Ibid, Seksyen 40 (2), 41 (3) dan 44 (3).

- b. Membuat siasatan bagi mengadakan calon-calon Imam, Khatib dan Bilal apabila mengetahui ada kekosongan jawatan-jawatan itu kamudian memeriksanya dan dengan hasil peperiksaan itu membuat sokongan perlantikkan kepada Majlis.
- c. Mentafsirkan Undang-undang Majlis Ugama Islam mengenai wakaf dan nazar jika berbangkit.
- d. Lain-lain perkara yang berhubung dengan undang-undang Majlis Ugama Islam menurut kuasa yang ditentukan oleh undang-undang.<sup>96</sup>

## 2. Jawatankuasa Kehakiman

- a. Memberi fikiran kepada mana-mana mahkamah selain daripada Mahkamah Syariah atas mana-mana pertanyaan mengenai undang-undang syarak yang diminta fikiran oleh mahkamah itu. Maka hendaklah fikirannya atau pandangannya itu di beri bagi pihak dan atas nama Majlis Ugama Islam.

---

<sup>96</sup> Buku Kenang-kenangan., *Isti'adat Pembukaan Rasmi (Bangunan Baru) Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei* 1966, hal. 51.

- b. Mendengar dan menimbangkan permohonan ulang bicara dan memberi nasihatnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas kaedah hendak memutuskan masalah itu.
- c. Menimbang dan membuat penyata bertulis berkenaan dengan pengesahan wasiat sebagaimana yang diminta oleh Mahkamah Kadi Besar dalam mana-mana perkara atau jenis perkara yang diperintahkan oleh Majlis Ugama Islam.
- d. Lain-lain perkara yang berhubung dengan pengadilan Mahkamah Syari'ah.<sup>97</sup>

Perlaksanaan pentadbiran bagi kedua-dua jawatankuasa ini adalah dijalankan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam untuk tindakan-tindakan yang berhubung dengannya. Pokoknya peranan MUIB amatlah luas kerana ia adalah menentukan dasar mengenai dengan masalah-masalah keagamaan dan pentadbiran ugama Islam di Negara Brunei Darussalam.

---

<sup>97</sup> *Ibid.*

### 3.4.2 Pembinaan Masjid-Masjid Dan Tempat-Tempat Ibadat

Mengimbasi kembali zaman pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin<sup>98</sup> (1950-1967M), pembangunan negeri<sup>99</sup> dan perkembangan agama Islam, menjadi matlamat utama dalam manifesto pemerintahan baginda. Pembangunan Masjid adalah menjadi asas dalam segala pembangunan yang ada di negeri ini. Sebagai bukti yang nyata ialah terbangunnya sebuah masjid yang dianggap tercantik di Asia Tenggara hasil dari usaha dan inisiatif baginda sendiri dalam merekabentuk bangunan masjid tersebut sehingga terkenal keseluruh dunia. Masjid ini dibina pada 4hb Februari, 1954M, dan siap serta dirasmikan pada 26hb September, 1958M dengan perbelanjaannya sebanyak B\$ 7.7 juta.<sup>100</sup> Masjid ini dinamakan sempena dengan nama baginda iaitu Masjid Omar Ali Saifuddin, terletak di pusat Bandar Seri Begawan.

Jika dilihat pada zaman itu, tidak terdapat bangunan yang mengalahi kecantikan masjid tersebut, bahkan tidak ada satu bangunan pun disekelilingnya yang melimpasi

<sup>98</sup> Baginda adalah Sultan Brunei yang ke-28, ayahanda kepada Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan Brunei ke-29 yang memerintah dari tahun 1967M hingga sekarang.

<sup>99</sup> Brunei maseh di bawah naungan pemerintahan kerajaan British dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1984M.

<sup>100</sup> Haji Metussin Haji Baki, *op cit*, hal. 11.

ketinggian menara Masjid Omar Ali Saifuddin ini. Masjid Omar Ali Saifuddin juga adalah lambang kedaulatan agama Islam di Brunei dan ianya lebih terkenal di kalangan masyarakat antarabangsa apabila masjid ini menjadi gambar hiasan kepada mata wang bagi Negara Brunei Darussalam. Ini menunjukkan betapa pekanya baginda dalam meninggikan imej kesucian agama Islam melebihi dari segala-galanya dan sekaligus meletakkannya sebagai agama rasmi negara Brunei Darussalam.

Langkah yang dibuat oleh Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin ini, telah diikuti oleh anakanda baginda iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sultan Brunei ke-29 (1967M hingga sekarang), dalam mendaulatkan agama Islam di negara ini berkembang dan diikuti oleh semua lapisan rakyat dengan sepenuhnya sebagai cara hidup yang berteraskan kepada falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Pada saat pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1hb Januari 1984M baginda telah menegaskan dalam Titahnya:

\* \* \*

*Dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan dengan nama Beta dan bagi pihak diri Beta dan bagi pihak penganti-penganti dan bagi pihak rakyat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari 1 Januari Tahun Masihi 1984 bersamaan dengan tahun ketujuh belas Beta di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdika, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahlis Sunnah wal-Jema'ah dan*

*berasaskan keadilan dan keamanan dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebijikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan dikalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas daripada campurtangan dari luar negeri.*<sup>101</sup>

Sebagai penyambung kepada dasar pemerintahan ayahnya baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai ketua agama, sesungguhnya sekali-kali tidak mengabaikan keperluan-keperluan yang membawa kepada kemajuan perkembangan agama Islam di dalam negeri. Ini dapat dilihat pada awal tahun 1960M hingga ketahun 1980-an, atas kebijaksanaan pimpinan ayahnya baginda dan baginda sendiri telah dapat menyusun rancangan pembinaan masjid-masjid diseluruh negari<sup>102</sup> dengan memasukkan perbelanjaan pembinaannya ke dalam Rancangan Kemajuan

<sup>101</sup> *Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Di Majlis-Majlis Keagamaan Dan Titah-Titah Yang Berunsur Keagamaan (1967-1996)*, Terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam., 1996., hal. 204. Lihat juga Haji Awang Mohd.Jamil Al-Sufri P.O.K.A.D.D.S.U.(Dr.), *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Bagawan., cet. i., 1992., hal. 207.

<sup>102</sup> Perancangan yang disusun itu ialah Pembinaan Masjid-Masjid Utama atau Mukim dan Kampong-Kampong.

Negara,<sup>103</sup> di samping tidak juga menyekat amal ibadat atau kebajikan rakyat pada menyumbangkan derma atau wakaf-wakaf persendirian dalam sama-sama menuntut kebajikan akhirat dan keredaan Allah s.w.t. Dalam hal ini baginda sendiri telah menjadikan diri baginda sebagai contoh dengan mewakafkan sebuah masjid yang terbesar dan termoden di negara ini yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan tertentu<sup>104</sup> bagi keselesaan para jemaah dan pentadbiran masjid itu sendiri. Masjid ini telah dibina pada tahun 1989M dan digunakan sepenuhnya pada 14hb Julai 1994M. Masjid ini dinamakan sebagai Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong, Bandar Seri Begawan.

Walaupun pembinaan masjid-masjid dan balai-balai ibadat merupakan simbol kekuatan dan keagungan syiar agama Islam di sesebuah tempat atau kawasan itu, namun pembinaan tersebut tidaklah sewenang-wenangnya bagi sesiapa sahaja untuk mendirikannya tanpa memikirkan dan mengambil kira lunas-lunas hukum syarak seperti kedudukannya dan keramaian jemaah setempat yang membolehkan mendirikan masjid-masjid atau balai-balai ibadat tersebut.

<sup>103</sup> Haji Metussin Bin Haji Bakri., *op cit.*, hal. 12.

<sup>104</sup> Masjid ini mempunyai kakitangan-kakitangan dan pentadbirannya tersendiri, perpustakaan yang mengumpulkan berbagai-bagai jenis kitab dan buku-buku agama dalam tiga bahasa iaitu Arab, Inggeris dan Melayu bagi tujuan sebagai tempat rujukan-rujukan dan bahan bacaan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengkaji dan sebagainya. Masjid ini juga mempunyai bilik-bilik belajar, dewan serba guna, bilik masyuarat dan bilik bacaan.

Di Brunei Darussalam sejak tahun 1955M, apabila tertubuhnya Undang-Undang No. 20 Tahun 1955 atau yang dikenali sekarang ialah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, hinggahalah sekarang, telah menguatkuasakan pembinaan masjid-masjid dan balai-balai ibadat di seluruh negara mengikut undang-undang. Menurut Undang-Undang ini telah diperuntukkan dalam Bahagian V khusus mengenai dengan tajuk Masjid-Masjid, yang antara lain memuatkan kuasa-kuasa Majlis Ugama Islam Brunei sebagai nazir kepada masjid-masjid seluruh negara, memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang yang hendak mendirikan masjid atau balai ibadat, atau mewakafkannya, atau dengan lain-lain jalan menggunakan sesebuah bangunan yang ada sebagai atau bagi maksud menjadikan sebuah masjid, membaiki atau mengubahsuai masjid, menutup dan merombak bangunan masjid, menentukan sempadan bagi mana-mana mukim masjid dan meminda dan mengubah sempadan-sempadan itu, dan disamping itu memberi kuasa kepada MUIB untuk bertanggungjawab pada membaiki dari satu masa kesatu masa sebagaimana yang diperlukan dalam memelihara semua masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan kumpulan wang daripada wakaf ‘am atau pentadbiran ‘am.<sup>105</sup>

---

<sup>105</sup> *Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*, Seksyen : 123,124, 125,126 dan 127.

Dengan penyusunan pembinaan masjid-masjid dan balai-balai ibadat menurut undang-undang ini, sehingga sekarang hampir seluruh mukim dan kampung-kampung seluruh negara telah didirikan masjid-masjid dan balai-balai ibadat bagi kemudahan dan keselesaan umat Islam yang berada di negara ini mengerjakan amal-amal ibadat kepada Allah s.w.t.

### **3.4.3 Perlantikan Pegawai-Pegawai Masjid Dan Imam**

Menurut penafsiran Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi di bawah seksyen 2, menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan “Pegawai Masjid” itu dalam undang-undang ialah termasuk Datu Imam, Siraja Khatib, Tuan Imam, Udana Khatib, Khatib-Khatib, Mudim-Mudim, Imam-Imam, Bilal-Bilal dan semua pegawai masjid yang dilantik di bawah Seksyen 130. Manakala maksud “Imam” pula ialah mana-mana Imam yang dilantik di bawah Akta ini.<sup>106</sup>

---

<sup>106</sup> *Ibid.*

Sebagaimana telah diterangkan dalam tajuk Peranan Majlis Ugama Islam Brunei yang lalu bahawa mengikut Seksyen 129 dan 130, menjelaskan tentang perlantikan Pegawai-Pegawai Masjid dan Imam-Imam yang ditugaskan di masjid-masjid seluruh negeri adalah atas lantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan diberi Tauliah kepada yang dilantik.

Perlantikan Pegawai Masjid dan Imam ini adalah juga merupakan jawatan-jawatan yang terdapat di dalam peruntukan perjawatan dalam kerajaan. Jawatan-jawatan ini adalah terbuka kepada sesiapa sahaja dari kalangan orang-orang yang berugama Islam khususnya yang berkerakyatan Brunei yang memenuhi syarat-syarat untuk menjadi Imam dan sebagainya berdasarkan kepada kekosongan yang terdapat pada jawatan-jawatan tersebut untuk memohon kepada Majlis Ugama Islam Brunei sebagai pihak Sultan untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan tertentu yang berhubung dengan jawatan yang dipohonkan sebelum dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk dilantik dan diberikan tauliah. Manakala lama perkhidmatan jawatan-jawatan tersebut adalah mengikut peraturan perkhidmatan awam biasa iaitu mereka juga akan berpencen dalam perjawatan setelah mencapai umur ke 55 tahun. Walau bagaimanapun mereka tidak semestinya berhenti terus dari jawatan mereka seperti lazimnya pada jawatan-jawatan selain daripada jawatan ini, jika difikirkan tenaga mereka diperlukan

berdasarkan kepada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Seksyen 131 (1), menyebutkan:

*Setiap Pegawai Masjid hendaklah memegang jawatannya selama yang disukai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan boleh dipecat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi sebab-sebab yang difikirkan baik.*

Jika dilihat kepada peruntukan Undang-Undang ini, bermakna jawatan Pegawai Masjid atau Imam yang termaktub dalam Akta ini, adalah terletak di bawah kuasa Sultan yang memerintah bagi memestikan seseorang itu diteruskan perkhidmatannya atau dipecat. Ini menunjukkan kedudukan Pegawai Masjid atau Imam di Negara Brunei Darussalam ini adalah mempunyai taraf yang tinggi dalam Adat Istiadat Brunei dan masyarakat umumnya. Manakala dalam kerajaan pula, perhatian telah diberikan dengan menunjukkan kesan yang amat positif ke arah meningkatkan kelayakan asas imam-imam dengan mengatur tentukan gaji yang berpatutan dan skim kenaikan pangkat yang tinggi dibandingkan dengan jawatan-jawatan lain dalam kerajaan. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa peranan Pegawai Masjid atau Imam itu kepada agama, negara, raja, dan masyarakat amatlah dituntut dan penting sekali, sesuai dengan kedudukannya yang tinggi dalam agama dan masyarakat setempat. Disamping mempunyai pengaruh yang kuat

dalam masyarakat serta dihormati, mereka adalah pemimpin masyarakat yang mengajak kearah kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat yang diredayai oleh Allah s.w.t.

:

Melihat kepada pengaruh Imam di dalam sesebuah kampong misalnya, mereka adalah tokoh atau pemimpin yang disegani oleh masyarakat, dengan kewarakkan yang ada pada mereka sehingga mereka lebih dipercayai dari tokoh-tokoh yang lain seperti Ketua Kampong, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan sebagainya, malah ada disebahagian kampong itu juga yang hendak membuat pengundian atau pemilihan untuk menjadi ketua kampong dan sebagainya, perlu mendapatkan nasihat daripada Imam terlebih dahulu tentang latarbelakang seseorang itu, walaupun perkara ini bukan tugas utama bagi seseorang Imam, tetapi oleh kerana kepercayaan masyarakat lebih memihak kepada kepada Imam sebagai ketua yang sentiasa mereka ikuti setiap hari, maka apa pun yang mereka buat terlebih dahulu rujuk kepada Imam. Di sini dapat kita lihat bahawa pekerjaan sebagai Imam itu sangat mulia di sisi agama dan masyarakat. Ketokohan dan kewibawaan seseorang itu sangatlah perlu dan utama, lebih-lebih lagi mempunyai ilmu agama yang tinggi adalah faktor utama untuk menjadi seorang Pegawai Masjid atau Imam yang berkualiti. Kadang-kadang kepercayaan masyarakat kepada seseorang Imam itu bukan kerana kealiman seseorang itu sahaja, tetapi faktor kewarakkan peribadi seseorang itu menjadi penilaian yang amat penting bagi sesuatu masyarakat. Maka peranan Pegawai Masjid dan Imam di Negara Brunei Darussalam perlulah diambil perhatian dalam

membuat penilaian awal kepada perlantikan mereka di samping memberikan pendedahan ke arah peningkatan ilmu yang lebih tinggi kepada Pegawai-Pegawai Masjid dan Imam-Imam yang sedia ada perlu dilaksanakan agar dapat mengimbangi kemajuan dunia dengan akhirat sama-sama diperaktikkan di masjid-masjid.

#### **3.4.4 Bidangkuasa Imam**

Peranan Imam sebagai ketua agama di dalam sebuah mukim atau kampong sangatlah penting sekali dalam memastikan perkembangan dan perjalanan ajaran agama Islam berjalan dengan lancar di kalangan anak-anak buah mukim atau kampongnya. Ini bermakna tidak ada sesuatu perkara pun yang boleh berlaku atau melanggar lunas-lunas ajaran agama Islam.

Sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berhubung dengan keagamaan di sebuah mukim atau kampong, maka seseorang Imam atau Pegawai Masjid itu mempunyai bidangkuasa-bidangkuasa tertentu pada mengawal perjalanan agama Islam diterima dan diikuti dengan sebaik-baiknya oleh anak mukim atau kampongnya, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Negara Brunei

Darussalam, Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Seksyen 132 menyebutkan:

*Pegawai Masjid bagi mana-mana masjid hendaklah mempunyai 'kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagaimana yang ditentukan dalam Tauliah-Tauliah mereka masing-masing, dan selain daripada itu:-*

- (a) *hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan dan aturan yang baik bagi masjid tersebut;*
- (b) *hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan yang baik bagi anak mukim masjid tersebut dalam perkara-perkara yang berhubung dengan ugama Islam ; dan*
- (c) *hendaklah dengan segera memberi makluman kepada Majlis mengenai semua perkara yang terbit dalam mukim mereka dan yang memerlukan perhatian Majlis.*

Selain dari itu para Imam berkuasa memberi kebenaran kepada anak mukim yang biasanya menghadiri masjid dalam mukim itu untuk menghadiri masjid lain. Perkara ini telah dibutirkkan dalam Seksyen 133 Akta yang sama. Maksud memberi kebenaran kepada anak mukim menghadiri masjid lain itu ialah khususnya bagi sembahyang fardu Juma'at di masjid lain. Dan adalah menjadi kesalahan di sisi undang-undang ini bagi sesiapa yang melanggar Seksyen ini, sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 171, Akta yang sama menyebutkan sebagai berikut :

*Mana-mana lelaki yang berumur 15 tahun atau lebih gagal untuk menghadiri sembahyang pada hari Juma'at di sebuah masjid menurut syarat-syarat dari Seksyen 133, terakluk sebagaimana yang ditetapkan selepas ini, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, denda sebanyak*

\$100 atau dalam kesalahan kedua, didenda sebanyak \$200 atau dalam kesalahan ketiga atau kesalahan-kesalahan yang berikutnya didenda sebanyak \$500.

Dengan syarat bahawa tiada kesalahan boleh dilakukan oleh mana-mana orang demikian jika ---

- (a) kehadiran dihalang oleh hujan;
- (b) tempat dia tinggal lebih jauh daripada 3 batu dengan jalan yang paling dekat dari sebuah masjid ; atau
- (c) dia telah dibebaskan dari hadir ke masjid oleh pegawai masjid mukim di mana dia biasanya tinggal atau, dengan alasan-alasan sakit atau tidak berada di tempat dia biasanya tinggal.

Sebagai sebuah negara yang kecil tambahan pula keramaian penduduknya yang sedikit, peruntukan undang-undang ini perlu dipraktikkan agar umat Islam sedar akan tanggungjawab mereka terhadap Allah s.w.t, kerana sembahyang jumaat itu wajib dilakukan oleh orang-orang lelaki sahaja yang cukup syaratnya dan dilakukan hanya sekali sahaja dalam satu minggu secara berjemaah. Peruntukan ini sekurang-kurangnya memberi satu pengajaran dan pendidikan kepada umat Islam betapa pentingnya perkumpulan dan persaudaraan yang dianjurkan oleh Islam itu yang hanya dilakukan sekali dalam seminggu. Di samping itu ianya akan memberikan implikasi yang baik kepada mereka terutama dalam memahami fadilat-fadilat yang terdapat disebalik hari jumaat itu.

Dalam hal-hal yang lain pula para Imam atau Pegawai Masjid juga diberikan kuasa dan tauliah menjadi Amil untuk mengutip zakat dan juga menjadi jurunikah untuk menikahkan mana-mana pasangan yang hendak bernikah di dalam kawasan mukimnya. Oleh sebab itu dengan sendirinya para Imam menurut Akta ini telah diberi kuasa sebagai pendaftar pernikahan dan pencerian bagi mukimnya sebagaimana telah dibutirkkan dalam Seksyen 135 (3) Akta yang sama menyebutkan :

*Imam bagi setiap masjid hendaklah kerana jawatannya menjadi seorang Pendaftar Pernikahan dan Percerian orang-orang Islam bagi mukim masjidnya.*

Memandangkan bidangkuasa dan tugas-tugas para Imam itu banyak sekali, maka kuasa yang diberikan kepada mereka sebagai Pendaftar Pernikahan dan Percerian bagi mukim mereka belum dapat dijalankan. Berdasarkan pentadbiran biasa yang dilakukan di Brunei semua kes-kes perceraian dan pendaftaran pernikahan dimana-mana Daerah di Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Mahkamah Kadi Daerah masing-masing. Manakala tugas para Imam selain dari tugas asasnya hanya ditumpukan sebagai jurunikah di kawasan mukimnya sahaja.

Dalam usaha menjaga keselamatan hidup beragama di kawasan mukim dan kampong masing-masing, para Imam juga diberi kuasa oleh Akta ini untuk menangkap

mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini tanpa waran. Hal ini telah dibutirkan dalam Seksyen 65 Akta yang sama antara lain menyebutkan :

*Mana-mana pegawai polis dan, jika diketahui tiada pegawai polis dapat diperolehi, mana-mana Penghulu atau mana-mana Imam atau mana-mana Pegawai Masjid yang diberikuasa secara bertulis bagi pihak Kebawah Duli Yang Mulia atau mana-mana Merinyu Hal Ehwal Ugama boleh menangkap tanpa waran –*

- (a) *sesiapa saja yang telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini yang melibatkan pecah keamanan ;*
- (b) *sesiapa saja yang telah melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini dan enggan atau gagal untuk memberi apabila dikehendaki nama dan alamatnya yang penuh dan benar ; atau*
- (c) *sesiapa saja terhadap siapa waran dikeluarkan di bawah Akta ini yang masih ada kini, meskipun waran demikian tidak dimilikinya, dan oleh sebab itu hendaklah menghadapkan orang demikian atau menyebakkannya untuk dihadapkan ke Mahkamah.*

—○—

Melihat kepada bidangkuasa-bidangkuasa yang diberikan kepada para Imam atau Pegawai Masjid ini, ianya sangatlah berat untuk seorang Imam itu memikul tanggungjawab ini jika seseorang Imam atau Pegawai Masjid itu tidak bijaksana dalam mentadbir anak mukimnya dengan baik dan sempurna. Ini menunjukkan tanggungjawab seorang Imam itu sangatlah mencabar dalam memestikan dan mewujudkan keamanan di dalam mukimnya dengan sentiasa mendampingi anak mukim untuk berkerjasama

mententeramkan mukim dari gajala-gajala yang tidak sihat di samping menggunakan masjid sebagai tempat yang terbaik untuk mengajak anak mukimnya supaya metaati perintah Allah s.w.t dan memanfaatkan masjid sebagai tempat merujuk segala masalah-masalah yang perlu difikirkan bersama, semoga dengan yang demikian itu sesuatu yang kita cita-citakan akan tercapai dan mendapat keredaan Allah s.w.t.

### **3.5 Pentadbiran Masjid-Masjid**

Jika dilihat kepada peruntukan undang-undang Negara Brunei Darussalam iaitu dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, pindaan 1984M, pada umumnya keseluruhan institusi-institusi masjid di Brunei adalah di bawah bidangkuasa Majlis Ugama Islam Brunei yang berperanan sebagai nazir kepada masjid-masjid seluruh negara.

Bagi melihat bagaimana institusi-institusi masjid ini ditadbir sehingga membawa kepada penyusunan pentadbirannya yang berwawasan serta mendapat perhatian yang utama daripada pihak kerajaan, penulis akan memulakan pembahasan ini dengan melihat dari aspek sejarah awal pentadbirannya sehingga kepad perkembangannya pada masa kini.

### 3.5.1 Latarbelakang Sejarah Pentadbiran Masjid

Sejarah telah mencatatkan bahawa masjid pertama dibina di Brunei adalah pada zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali (1425-1432M) Sultan Brunei ke-3.<sup>107</sup> Pada zaman itu corak pemerintahan yang dijalankan oleh baginda adalah mengikut lunas-lunas pentadbiran Islam yang tulin. Baginda yang terkenal dengan gelaran ‘Sultan Berkat’<sup>108</sup> telah menjadikan Brunei pada ketika itu sebagai sebuah negara yang disegani, aman dan sentosa sehingga Brunei dinamakan sebagai negara ‘Darussalam’.

Bermula dari sinilah, maka corak pemerintahan yang dijalankan di Brunei turun-temurun adalah berlandaskan ajaran Islam. Ini dapat kita lihat pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582-1598M) Sultan Brunei ke-7 membuktikan kecemerlangan perlaksanaan pentadbiran Islam di Brunei sangat membanggakan sehingga baginda dapat menggugat pengaruh Sepanyol di rantau ini dengan mendirikan masjid-masjid dan sekolah agama<sup>109</sup> di kepulauan Mindanao. Perkara ini antara lain disebutkan oleh Paderi Domingo de Salazar pada 27hb. Jun 1588M :

<sup>107</sup> P.L Amin Sweeney, *op cit*, hal. 11.

<sup>108</sup> Baginda adalah seorang Arab keturunan daripada silsilah Sayidina Hassan, cucu Rasulullah s.a.w. Lihat P.L Amin Sweeney., hal. 11, 12.

<sup>109</sup> Blair & Robertson (ed), *The Philippine Islands*, Vol. VII, hal. 48, 49 dn 69.

*...di Kepulauan Mindanao,...Undang-Undang Islam telah diisytiharkan secara terbuka yang diagakkan sudah lebih tiga tahun oleh ulama-ulama dari Brunei dan Ternate yang datang ke sana-bahkan di antaranya dipercayai dari Makkah telah membina masjid-masjid dan budak-budak lelaki dikhantarkan dan di sana ada sebuah sekolah tempat mengajar al-Quran.*<sup>110</sup>

Undang-undang Islam yang diperkenalkan oleh baginda dalam dasar pemerintahannya ialah Hukum Kanun, Syarak dan Adat Resam.<sup>111</sup> Untuk menjalankan dasar pemerintahannya ini, baginda telah menambah dua orang wazir iaitu ‘Pengiran Di-Gadong’ dan ‘Pengiran Pemancha’ kepada dua orang wazir yang sedia ada iaitu ‘Pengiran Bendahara’ dan ‘Pengiran Temenggong’ yang masing-masing mempunyai tugas dan tanggungjawab menurut bidangkuasa yang ditentukan oleh Sultan.

Dalam mengemaskinikan tugas-tugas dan tanggungjawab Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Manteri-Manteri ini, baginda telah melantik seorang wazir yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam dengan dibantu oleh seorang Cheteria dan beberapa orang Manteri Agama, antaranya Datu Imam, Siraja Khatib, Udana Khatib dan segala Khatib-Khatib dan Mudim.<sup>112</sup>

<sup>110</sup> *Ibid*, hal. 68-69.

<sup>111</sup> Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned, PTIDPSS, *Islam Di Brunei*, Jilid 1, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam, 1992. Hal. L.

<sup>112</sup> P.L Amin Sweeney, *op cit*, hal. 16.

Tanggungjawab dan tugas Manteri-Manteri Agama yang disebutkan itu antara lain ada yang menjadi Kadi, Imam dan pentadbir hal ehwal masjid. Di samping itu juga Manteri-Manteri Agama adalah bertanggungjawab dalam semua hal ehwal agama Islam dan bertanggungjawab pada menyembahkan nasihat kepada Sultan dalam hal-hal dan masalah mengenai Islam dan hukum-hukumnya.<sup>113</sup> Dengan ini membuktikan bahawa pentadbiran hal ehwal Islam dan masjid-masjid telah pun sekian lama wujud di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai mewarisi corak pentadbiran Sultan-Sultan yang terdahulu khususnya dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam yang sememangnya menjadi dasar kepada tampok pemerintahan sultan-sultan Brunei hingga sekarang, perkembangan pentadbiran agama Islam di negara ini semakin hari semakin berkembang maju dengan diperkemaskan lagi secara yang terbaik dan teratur mengikut perkembangan masa.

\* \* \*

Dengan tertubuhnya Majlis Mesyuarat Syari'ah pada tahun 1954M, yang dipengerusikan sendiri oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, maka atas perkenan baginda ditubuhkan sebuah jabatan yang dinamakan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada 1

---

<sup>113</sup> Fatimah Mohd. Daud, 'Kerajaan Islam Di Brunei: Suatu Tinjauan Sejarah', *Pusaka*, bil. iii ., 1990, Jabatan Pusat Sejarah Brunei., hal. 32.

Julai 1954M.<sup>114</sup> Jabatan ini juga diletakkan diatas nama Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat<sup>115</sup> yang dikendalikan oleh seorang Pengetua dan seorang Setiausaha.<sup>116</sup> Setelah itu diikuti pula oleh penubuhan Majlis Ugama Islam Brunei pada dalam tahun 1955M.<sup>117</sup>

Dengan kuatkuasanya Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada 29 hb. September 1959,<sup>118</sup> maka pada 1hb. Mei 1960 Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kabajikan Masyarakat telah dipecah menjadi dua jabatan berasingan iaitu Jabatan Adat Istiadat dan Kabajikan Masyarakat yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Shahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Anak Haji Muhammad Alam, dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pula diketuai oleh Pengetuannya Yang baru

<sup>114</sup> Ustaz Haji Abdul Aziz Bin Haji Juned, YDPTIDPSS, *Islam Di Brunei*, hal. 56, 69.

<sup>115</sup> Buku kenang-kenangan, 'Istiadat Pembukaan (Bangunan Baharu) Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei', 1966, hal. 2.

<sup>116</sup> Pengetua yang pertama ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Anak Haji Muhammad Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Setiausaha ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamaluddin Al-Haj Ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Muhammad Yassin. *Ibid.* Lihat juga Ustaz Haji Abdul Aziz Bin Haji Juned, YDPTIDPSS, *op cit.*, hal. 69.

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, YDPOKADDSU (Dr.), *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Terbitan Jabatan Pusat Sejarah Brunei., 1992., cet. i., hal. 84.

iaitu Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud.<sup>119</sup>

:

Dengan terasingnya dua jabatan ini ternyata kemajuan perkembangan agama Islam di Brunei semakin luas dan terkenal dimata masyarakat sehingga pentadbiran hal ehwal agama di seluruh negeri dapat diatur dengan rapi mengikut keadaan pada masa itu. Dengan tersusunnya pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei ini, maka yang paling atas sekali dalam susunan pentadbiran tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Ketua Agama Islam. Manakala pegawai kanan sekali yang bertanggungjawab kepada Sultan dalam hal ehwal agama ini ialah Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama yang juga berkait rapat dengan Majlis Ugama Islam Brunei dan menjadi ahli kepada ketiga-tiga Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Manteri-Manteri dan Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>120</sup>

— 3 —

<sup>119</sup> Pada 1 September 1962 hingga 31 Oktober 1970, jawatan Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama dipegang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamaluddin Al-Haj. Kamudian mulai 1 November 1970 sehingga 20 Oktober 1986 jawatan ini dipegang oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin sebagai pengetua yang terakhir dalam sejarah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Lihat Ustaz Haji Abdul Aziz Biñ Haji Juned, YDPTIDPSS, *op cit*, hal. 70.

<sup>120</sup> *Ibid.*

Di dalam struktur pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama, terdapat lapan bahagian yang berfungsi pada melaksanakan perjalanan pentadbiran dan perkembangan Islam di Brunei. Di antara bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Mufti, Bahagian Majlis Ugama Islam, Bahagian Kadi, Bahagian Penyiasatan, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Penyelidikan dan perkembangan, Bahagian Pelajaran Agama dan Bahagian Penerangan dan Tabligh.<sup>121</sup> Bahagian yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran hal ehwal masjid pada waktu itu ialah Bahagian Majlis Ugama Islam dan Bahagian Kadi-Kadi Daerah seluruh negeri.

Setelah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dinaikkan tarafnya sebagai sebuah kementerian dalam kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 Safar 1407 H bersamaan dengan 20 Oktober 1986 M, satu perubahan besar telah berlaku dalam mengemaskinikan pentadbiran hal ehwal ugama Islam di Negara Brunei Darussalam, dimana Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam struktur pentadbirannya telah diketuai oleh seorang Menteri iaitu Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain Bin Haji Seruddin, seorang Timbalan Menteri iaitu Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya Bin Haji Awang Ibrahim dan seorang

---

<sup>121</sup> *Ibid*, hal. 71 dan 72.

Setiausaha Tetap iaitu Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Abdul Saman Bin Awang Kahar. Di bawah tiga jawatan yang tertinggi dalam kementerian ini terdapat lima buah jabatan buat pertama kalinya ditubuhkan iaitu Jabatan Pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin dan Pusat Dakwah Islamiah.<sup>122</sup>

Sebagai perlaksana kepada dasar dan polisi agama Islam di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab pada membawa dan memandu dasar-dasar Kerajaan pada umumnya dalam perkara-perkara yang melibatkan hukum-hukum berat seperti yang berkaitan dengan ‘akidah dan kepercayaan, atau yang melibatkan hukum syarak, atau sesuatu yang mengenai soal-soal keselamatan agama, Raja, umat Islam dan negara.

Berdasarkan tanggungjawab inilah tugas-tugas yang dipikul oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Jabatan Hal Ehwal Syar'iah sangatlah berat sekali, di mana antara jabatan-jabatan yang mempunyai bahagian-bahagian yang paling banyak ialah Jabatan Hal Ehwal Syar'iah. Jabatan ini mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian Fatwa, Bahagian Mahkamah dan Masjid, Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan dan

---

<sup>122</sup> Terdapat tiga jabatan lagi yang diwujudkan dan sebagai tambahan yang terkemudian iaitu Institut Pengajian Islam, Bahagian Tugas-Tugas Khas dan Jabatan Hal Ehwal Masjid

Bahagian Majlis Ugama Islam. Dalam Bahagian Mahkamah dan Masjid tidaklah banyak perubahan yang berlaku, di mana setiap masjid di seluruh negara masih di bawah pentadbiran Kadi-Kadi Daerah masing-masing, sehingga pada tahun 1989 sebuah Unit Urusan Masjid telah diadakan bagi mengurangkan tugas dan tanggungjawab Kadi-kadi Daerah pada menumpukan kes-kes mahkamah yang semakin bertambah. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai ugama kanan dan beberapa orang pegawai urusan masjid yang ditugaskan di daerah-daerah bagi menjalankan pentadbiran masjid-masjid di dalam daerah yang ditentukan.

Jika dilihat urutan sejarah pentadbiran masjid di Brunei adalah merupakan sebuah institusi pentadbiran yang paling lama wujud di Negara Brunei Darussalam iaitu dari sejak mula terbinanya masjid pertama pada abad ke 15 M lagi, bahkan kemungkinan juga lebih awal lagi dari tarikh tersebut bersama-sama dengan kedatangan Islam di Brunei, hanya tidak ada catatan sejarah yang dapat dikesan setakat ini. Akan tetapi berdasarkan misi dakwah Islamiah yang dijalankan pada awal pemerintahan Islam khususnya pada zaman pemerintahan Omar Ibnu al-Khattab setiap belakunya *futuhat* atau pembukaan negeri-negeri diperintahkan kepada penglima-penglimanya atau para dae' supaya mendirikan masjid-masjid untuk perkumpulan bagi orang-orang Islam.

### 3.5.2 Organisasi Jabatan Hal Ehwal Masjid

Jabatan Hal Ehwal Masjid adalah sebuah jabatan yang terbaharu diwujudkan dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. Ianya ditubuhkan pada 1 Januari 1994 atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diisyiharkan sendiri oleh baginda pada satu majlis sempena pembukaan rasmi bangunan baru Masjid Kampong Bunut, Daerah Brunei dan Muara pada hari Jumaat 26 Muharram 1414H, bersamaan dengan 16 Julai 1993M, yang antara lain baginda bertitah :

*Bersabit dengan inilah, untuk mengemaskinikan lagi peranan masjid itu, Beta telah memperkenankan pemubahan sebuah jabatan baru di bawah Kementerian Hal Ehwal ugama yang diberi nama "Jabatan Hal Ehwal Masjid".<sup>123</sup>*

Menyedari akan peri mustahaknya peranan institusi masjid kepada pembangunan masyarakat atau ummah masa kini, maka bagi menyedarkan masyarakat dalam zaman yang serba moden ini, pertama-tama tugas yang perlu difahamkan kepada masyarakat ialah dengan menjelaskan kepada mereka pengertian masjid yang sebenar sebagaimana

---

<sup>123</sup> *Himpunan Titah..*, hal. 454.

yang diasaskan oleh Rasullulah *s.a.w* pada zaman kegemilangan Islam, agar dapat membuka minda masyarakat yang masih lalai dan asyik dengan kehidupan dunia yang selama ini menutup fikiran mereka dari memahami atau ingin mahu memahami akan erti Islam itu sendiri. Tugas ini bertujuan bagi menggelak masyarakat Islam terus terjerumus kepada perkara-perkara negatif yang boleh mengancam kehidupan sebagai masyarakat Islam dan negara Islam, hasil dari pengaruh-pengaruh yang terbit daripada kecanggihan dunia sekarang. Gejala ini telah terjadi kepada banyak negara Islam atau pun negara bukan Islam yang masyarakatnya banyak Islam lupa akan lunas-lunas Islam dan apabila mereka diancam musibah seperti perperangan dan sebagainya, barulah mereka akan sedar bahawa mereka itu Islam, tetapi tidak tahu apa itu Islam. Sejarah telah membuktikan pada zaman kegemilangan Islam dahulu, penduduk Islam, Yahudi dan Kristian hidup bersatu padu di bawah kerajaan Islam yang berpusat di Baghdad, tetapi kerana kelalaian pemerintah Islam Sepanyol, selain daripada keruntuhan moral mereka sendiri, maka musuh Islam mengambil kesempatan yang sekian lama ditunggu-tunggu, sehingga suatu ketika apabila Kristian berkuasa, penduduk Islam dan Yahudi telah dihalau keluar dari Sepanyol kecuali mereka yang mahu menukar agama sahaja yang akan kekal. Perkara seperti ini juga telah berlaku pada zaman sekarang seperti yang terjadi di Bosnia-Herzegovina.<sup>124</sup> Allah *s.w.t* telah menegaskan dan memperingatkan dalam firmannya Surah al-Isra' ayat 16;

---

<sup>124</sup> Berita Harian, 'Dunia', Terbitan Sabtu, 19 Oktober, 1996.

وإذا أردنا أن هلك قرية أمرنا مترفها ففسقوا فيها فحق عليها القول  
<sup>125</sup> فدمرنها تدميرا.

Terj: *Dan apabila sampai tempoh kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya ta'at), lalu mereka menderhaka dan melakukan ma'siat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.*

Menangani permasalahan masyarakat bukanlah satu perkara semudah ucapan, kerana ia memerlukan kekuatan fizikal dan mental kepada seseorang pemimpin atau Imam itu, terutama sekali dalam menghadapi era kemajuan teknologi maklumat masa kini yang sering kali menimbulkan permasalahan yang rumit dan kritikal yang memerlukan jawaban-jawaban dan tindak balas yang relevan dan rasional dari kalangan pemimpin atau Imam. Untuk berhadapan dengan inilah, maka masjid perlu ditadbir secara sistematik, dinamik dan profesional supaya dapat mengimbangi perkembangan dunia masa kini.

Dalam mengembangkan peranan dan fungsi masjid kepada berbagai golongan masyarakat maka Jabatan Hal Ehwal Masjid adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menanai cabaran-cabaran yang akan dihadapi

<sup>125</sup> S. Al-Isrā' : A. 16.

dengan mengemaskinikan dan memestikan pentadbiran masjid berjalan dengan lebih teratur dan berkesan. Sebagai jabatan yang menjadi induk kepada pentadbiran masjid-masjid seluruh negara, jabatan ini hendaklah ditadbir oleh tenaga-tenaga yang berkelayakan dalam bidang-bidang pentadbiran dan akademik<sup>126</sup> supaya dapat menyusun aktiviti-aktiviti masjid secara profesional dan berkesan.

Jabatan Hal Ehwal Masjid dalam usahanya mengurak langkah kehadapan telah mengambil pendekatan proaktif dalam menjayakan organisasi pentadbirannya bagi mencapai keprofesionalisme pentadbiran masjid seluruh negara. Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mewujudkan beberapa bahagian dalam struktur pentadbirannya bagi mengawasi dan memestikan perjalanan dan perkembangan hal ehwal masjid seluruh negara berjalan dengan lebih teratur mengikut kedudukan dan suasana perkampungan di tempat' masjid itu. Perancangan-perancangan telah dibuat dan sedang giat dijalankan di masjid-masjid demi untuk meningkatkan peranan dan fungsi masjid yang sebenarnya. Peranan dan fungsi Jabatan Hal Ehwal Masjid bukan hanya menitikberatkan tentang soal-soal pentakmiran masjid sahaja tetapi mencakupi semua hal-hal yang berhubung dengan masjid dan masyarakat setempat sama ada dari segi infrastruktur pembangunannya, menyediakan dan menentukan kakitangan masjid dan peralatannya dan membuat kajian-

---

<sup>126</sup> *Himpinan Titah..... hal. 454.*

kajian yang perlu diambil tindakan bagi meningkatkan institusi-institusi masjid di seluruh negara.

Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengatur susunan pentadbirannya seperti berikut:

### 1 Pengarah Hal Ehwal Masjid

Tugas utamanya ialah bertanggungjawab kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dalam mentadbir jabatan dan masjid-masjid seluruh negara.

### 2 Penolong Pengarah

Tugas dan peranannya ialah membantu pengarah dalam tugas-tugas pentadbiran jabatan dan bertanggungjawab kepada pentadbiran kedua buah masjid negara iaitu Masjid Omar Ali Saifuddin dan Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

### 3 Ketua Idarah (Pentadbiran)

Bahagian ini berperanan dalam menjalankan pentadbiran harian jabatan dan bertindak bagi memproses perkara-perkara yang berhubung kait dengan pentadbiran masjid dan sebagainya untuk dihadapkan kepada pengarah dan

penolong pengarah, seterusnya membuat tindak balas yang perlu atas arahan pengarah kepada pihak-pihak tertentu.

#### 4 Ketua Imarah (Aktiviti)

Bahagian ini berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang dan menyusun aktiviti-aktiviti masjid seluruh negara mengikut keadaan semasa di samping memestikan segala aktiviti-aktiviti yang dirancangkan itu berjalan dengan lancar.

#### 5 Ketua Ri'ayah (Pemiliharaan Bangunan)

Bahagian ini berperanan dan bertanggungjawab dalam memilihara dan mengawasi segala perkembangan yang berhubung dengan infrastruktur pembangunan masjid seluruh negara. Disamping itu bahagian ini ditugaskan sebagai penasihat kepada pihak Kementerian Pembangunan dalam mereka bentuk bangunan-bangunan masjid baru yang akan dibina dan juga dutugaskan untuk membuat plan-plan tambahan bagi masjid-masjid yang memerlukan kepada pembesaran struktur bangunan masjid di seluruh negara.

#### 6 Ketua Perkembangan Dan Penyelidikan

Bahagian ini berperanan dan bertanggungjawab dalam membuat penyelidikan-penyelidikan yang berhubung dengan perkembangan hal ehwal masjid seluruh

negara, menyediakan khutbah-khutbah setiap hari jumaat, kedua hari raya dan sebagainya serta berperanan untuk mengemaskini pentadbiran perpustakaan-perpustakaan masjid di seluruh negara.

Bagi melaksanakan segala perancangan-perancangan yang dirancangkan oleh ketua-ketua bahagian Jabatan hal Ehwal Masjid itu, jabatan ini telah mengujudkan pegawai-pegawai cawangan di daerah-daerah seluruh negara yang bertujuan untuk lebih mengemaskinikan perancangan-perancangan aktiviti masjid di daerah tersebut dan segala pentadbiran yang berhubungkait dengan hal ehwal masjid daerah masing-masing. Tugas dan kuasa Pegawai Hal Ehwal Masjid di daerah-daerah adalah terhad kepada daerah tempat mereka ditugaskan seperti Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Di bawah pentadbiran Pegawai Hal Ehwal Masjid terdapat lagi beberapa pegawai yang dinamakan sebagai Pegawai Urusan Masjid dan Pembantu Pegawai Urusan Masjid yang bertanggungjawab mentadbir beberapa buah masjid mengikut pembahagian zon-zon yang terdapat di setiap daerah, kecuali di dua buah daerah iaitu Belait dan Temburong.

Jika dilihat kepada susunan struktur pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Masjid ini, ia merupakan satu pentadbiran yang amat berat tanggungjawabnya kepada masyarakat, kerana masjid itu sendiri adalah tumpuan masyarakat dari berbagai lapisan dan golongan

yang sudah setentunya mendapat perhatian di mata mereka untuk sama-sama mentakmirkan rumah Allah, di samping menghendaki suasana yang selesa dan tenteram untuk beribadat didalamnya. ;Masjid yang ditadbir dengan baik tentu akan mendapat sembutan yang baik juga, manakala sebaliknya adalah perlu dinilai semula, kerana punca kemerosotan kehadiran jemaah di masjid itu, adalah terletak di atas kebijaksanaan pentadbiran masjid itu sendiri. Oleh yang demikian, bahagian penyelidikan mempunyai peranan penting dalam menangani masalah ini agar peranan dan fungsi masjid yang sebenarnya dapat dipraktiskan di seluruh masjid.

### **3.5.3 Perkembangan Pembangunan Institusi Masjid**

Perkembangan Agama Islam di Nagara Brunei Darussalam sangatlah diambil perhatian yang serius oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerana hasil dari kekayaan buminya tidak hanya dimanfaatkan kepada perkembangan pembangunan infrastrukturnya sahaja, akan tetapi dimanfaatkan juga kepada perkara-perkara yang berhubungkait dengan pembangunan akhirat bagi sama-sama mengimbangi kehidupan dunia dan akhirat, di samping sebagai tanda syukur kepada Allah s.w.t atas limpah rahmat dan nikmatnya ke atas muka bumi ini.

Keprihatinan kerajaan kepada perkembangan agama Islam ini dapat dilihat antaranya, apabila rancangan pembinaan masjid di seluruh negeri dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara.<sup>127</sup> Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan pembukaan rasmi Masjid Mohammad Bolkiah pada 23hb. November 1979M menjelaskan dalam titahnya:

*Kerajaan beta dalam melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan adalah sentiasa mengambil berat mengenai dengan perkembangan agama Islam sesuai dengan taraf agama Islam dari segi perlembagaan yang telah dikamunkan sebagai agama rasmi bagi Negeri Brunei ini. Kerana itu dalam rancangan kemajuan yang berjalan sekarang ini beberapa buah masjid baru telah dirancang dan sebahagian besarnya telah pun siap pembinaannya dan telah pun digunakan.*<sup>128</sup>

Ini menunjukkan satu petanda yang baik kepada umat Islam di negara ini kerana berpeluang untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang selesa yang disediakan oleh kerajaan untuk beramal beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Walaupun kerajaan tidak menghalang mana-mana orang yang hendak berwakaf kearah ini, melalui Rancangan Kemajuan Negara ini kerajaan dengan sendirinya boleh membantu para

<sup>127</sup> Haji Metussin bin Haji Bakri, *op cit*, hal. 12.

<sup>128</sup> *Himpunan Titah....op cit*, hal. 175.

pewakaf sama ada bagi menyediakan keperluan-keperluan masjid atau mengemaskinikan projek yang dijalankan jika diperlukan, asalkan tempat berkenaan termasuk dalam perancangan kerajaan.

Adalah menjadi dasar kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjaga dan memelihara kesucian agama Islam berada pada peringkat yang tinggi dan memuaskan. Dalam hal ini baginda telah menegaskan dalam era awal pemerintahan baginda, sewaktu bertitah pada merasmikan Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait pada 8hb. November 1967 anatara lain baginda menjelaskan:

*Selaku Ketua Agama Islam di negeri ini, Beta memberi penghargaan atas perkembangan-perkembangan Islam yang telah mampu dan berjaya di bawah arahan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan pegawai-pegawaiannya serta Pegawai Daerah Belait, kerana dengan kecekapan mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam peranan mereka bagi menjayakan perkembangan Islam di Daerah Belait, Kerajaan tidaklah teragak-agak lagi memberikan sebarang kemudahan-kemudahan kepada umat Islam diseluruh negeri ini dalam apa juá yang difikirkan benar-benar akan membawa faedah kepada kepada agama Islam.<sup>129</sup>*

Kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat demi untuk memajukan perkembangan agama Islam di negara ini sangatlah banyak dan ianya

---

<sup>129</sup> *Pelita Brunei*, 8hb. November 1967, hal. 1. Lihat juga Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Junid., *op cit*, hal. 5..

seimbang dengan perkembangan kemajuan negara. Kepekaan kerajaan melalui Kementerian hal Ehwal Ugama telah pun dapat mengikuti perkembangan semasa dalam menyebarluaskan ajaran agama Islam keseluruh negara, dengan memberikan dakwah Islamiah yang berkesan kepada golongan yang bukan Islam. Kejayaan ini setentunya menambahkan bilangan umat Islam di negara ini, yang pestinya memerlukan bantuan dan bimbingan agama yang secukup-cukupnya. Dalam hal ini, berbagai bantuan dan kemudahan telah pun diberikan dan disediakan demi untuk memenuhi kehendak dan keperluan agama di negara ini. Di antara kemudahan yang diberikan bagi tujuan ini, ialah pembinaan masjid-masjid di seluruh negara.

Perkembangan pembangunan institusi masjid di Negara Brunei Darussalam masa kini sangatlah membanggakan, di mana hampir keseluruhan mukim dan kampong di negara ini telah dan sedang didirikan masjid-masjid. Pendeknya, di mana sahaja duduknya orang-orang Islam disitulah terdapatnya Masjid atau pun Surau dan Balai ibadat dengan disediakan terus Pegawai-Pegawai Masjid seperti Imam dan Bilal. Ini menunjukkan bahawa kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada perkembangan agama Islam melalui institusi masjid ini lebih dari mencukupi keperluan masyarakat untuk mereka menimba ilmu pengetahuan dan beramal ibadat kepada Allah s.w.t.

Berdasarkan statistik yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Masjid menunjukkan bilangan masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di negara ini ialah:

a) Daerah Brunei dan Muara

Daerah ini merupakan daerah yang paling banyak mempunyai masjid, surau dan balai ibadat di negara ini. Bilangan masjid yang terdapat di daerah ini ialah 40 buah, surau 6 buah dan balai ibadat 6 buah.

b) Daerah Tutong

Daerah ini merupakan daerah kedua terbanyak mempunyai masjid dan balai ibadat selepas Daerah Brunei dan Muara. Bilangan masjidnya ialah 20 buah dan 2 buah balai ibadat.

c) Daerah Belait

Daerah ini mempunyai 8 buah masjid sahaja.

d) Daerah Temburong

Daerah ini hanya mempunyai 7 buah masjid sahaja.

Bilangan keseluruhan masjid-masjid seluruh negara ialah sebanyak 75 buah, surau 6 buah dan balai ibadat 8 buah. Kesemua masjid, surau dan balai ibadat ini berfungsi seperti biasa dan didirikan juga di dalamnya sembahyang berjemaah fardu Jumaat dan kedua hari raya.

Jika dibandingkan jumlah masjid dengan jumlah penduduk yang beragama Islam di seluruh negara, menunjukkan jumlah masjid yang ada sekarang boleh menampung jumlah penduduk yang sedia ada, kerana perkembangan penduduk di negara Brunei Darussalam tidak banyak meningkat dan dianggarkan sekarang hanya dalam suku juta orang sahaja, iaitu termasuk yang Islam dan tidak Islam, kanak-kanak dan orang dewasa. Maka berdasarkan kepada perkembangan ini, pembangunan masjid seluruh negara menunjukkan dapat mengatasi keperluan penduduk Islam di negara ini untuk memudahkan mereka mengerjakan amal ibadat kepada Allah s.w.t dengan selesa.

### **3.5.4 Masjid Mengikut Adat Istiadat Brunei**

Apabila kita memperkatakan Adat Istiadat, jelas kepada kita bahawa ia adalah merupakan sebuah institusi yang diwarisi oleh sesuatu bangsa sejak turun-temurun lagi

dan masih terkenal hingga masa kini khususnya bagi negara-negara yang diperintah dan mempunyai raja atau sultan. Adat Istiadat adalah pada asalnya merupakan undang-undang tradisional atau peraturan hidup sehari-hari sesuatu masyarakat yang melambangkan identiti sesuatu masyarakat, kebudayaan, pemerintahan dan sebagainya.

Di Negara Brunei Darussalam, Adat Istiadat adalah merupakan sebuah institusi atau jabatan dalam kerajaan. Ia merupakan sebuah institusi yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam kerana fungsi dan peranannya melibatkannya sebagai penasihat kepada sultan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan adat istiadat negeri dan raja.

Fungsi dan peranan adat istiadat Brunei lama masih lagi digunakan dan dijalankan di Negara Brunei Darussalam hingga masa kini. Antara yang maseh kekal dan aktif dijalankan pada masa ini ialah seperti istiadat bergelar, istiadat perkahwinan, istiadat dalam perkara-perkara yang melibatkan keberangkatan Raja dan kerabat diraja dalam apa-apa juga majlis atau upacara yang berbentuk kenegaraan atau pun peribadi dan sebagainya.

Sebagai sebuah negara yang maseh kuat mengamalkan adat istiadat lama, maka terdapat dua buah masjid di negara ini dikekalkan dalam organisasi pentadbirannya

mengikut adat istiadat Brunei lama. Perkara ini merupakan keunikkan yang terdapat di negara Brunei Darussalam dan kemungkinan tidak terdapat di mana-mana negara di dunia ini. Masjid-masjid yang dimaksudkan itu ialah Masjid Omar Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah. Kedua-dua masjid ini adalah merupakan masjid negara dan utama bagi negara Brunei Darussalam.

Keunikkan yang terdapat pada masjid ini ialah pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk menjadi Imam dan Bilal adalah khusus di kalangan orang-orang yang bergelar sebagai manteri agama<sup>130</sup> sahaja. Kebiasaananya pegawai-pegawai yang yang ditugaskan bagi mentadbir masjid-masjid ini ialah bagi sebuah masjid ialah 4 orang yang bergelar Pehin Khatib sebagai Imam dan khatib dan 4 orang yang bergelar Mudim yang bertugas sebagai bilal masjid. Menurut adat istiadat Brunei tidak siapa pun boleh menjadi Imam dan Bilal di kedua masjid ini kecuali mereka yang bergelar sebagai Manteri Agama dan yang bergelar Mudim sahaja.

---

<sup>130</sup> Manteri-Manteri Ugama atau Pehin-Pehin Ugama merupakan golongan elit ulama' yang berpengaruh di Brunei sejak sebelum tahun 1905 dan sesudahnya. Mereka yang digelar sebagai Manteri Ugama itu ialah Pehin Datu Seri Maharaja (Mufti), Pehin Datu Imam, Pehin Siraja Khatib, Pehin Tuan Imam, Pehin Udana Khatib, Pehin-Pehin Khatib dan Mudim-Mudim (bukan Manteri). Lihat Ustaz Haji Yahya Bin Haji Ibrahim YDPSKDPSS, *Pehin-Pehin Manteri Ugama Sebagai "Institusi"*....., hal 1.

### 3.6 Masjid-Masjid Utama Di Brunei

Sebagai lanjutan kepada perbincangan di atas, penulis akan memfokuskan beberapa buah masjid utama di Brunei yang difikirkan mempunyai kesan-kesan sejarah dalam usaha menyumbang ke arah pembangunan penyebaran dan perkembangan ugama Islam di negara ini.

#### 3.6.1 Masjid Omar Ali Saifuddin

Masjid Omar Ali Saifuddin merupakan sebuah masjid yang kukuh, cantik dan yang terbesar di Asia Tenggara<sup>131</sup> suatu ketika dahulu dan juga merupakan masjid kekal yang pertama dibina di Brunei.

---

<sup>131</sup> Abdul Hafiz Mahmassani, *al-Islam fi Brunei*, Beirut., 1965, hal. 57.

Masjid ini mula dirancang untuk pembinaannya sejak tahun 1949M lagi, di mana satu Jawatankuasa Penyiasatan telah ditubuhkan untuk mengenalpasti dan mendapatkan contoh-contoh bangunan masjid yang sesuai dibangunkan di Brunei. Usaha ini telah mendapat kerjasama daripada beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti Perak, Selangor, Perlis dan Johor melalui perhubungan yang dibuat oleh agensi kerajaan Brunei di luar negeri.<sup>132</sup>

Pada tahun 1952M satu lagi jawatankuasa ditubuhkan<sup>133</sup> bagi memikirkan tapak tanah yang sesuai untuk mendirikan masjid ini. Atas perkenan dan pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin Sa’dul Khairi Waddin sendiri, baginda telah memperkenankan supaya pembinaan masjid ini dibangunkan berdekatan dengan sungai Brunei dengan keluasan tapaknya seluas 5 ekar termasuk tambahan tanah yang di tembok pada sebahagian sungai tersebut. Bangunan masjid ini telah mula dibina pada khamis, 1hb. Jmadilakhir, 1373H bersamaan 4hb.

<sup>132</sup> *Pelita Brunei*, Keluaran 8 Jun 1956 dan 15 November 1956.

<sup>133</sup> Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Muhammad Yassin bin Pengiran Omarali, Wazir pertama Negeri Brunei. Lihat Haji Metussin Haji Baki, *op cit*, hal. 21.

Februari, 1954M.<sup>134</sup> Pembinaan masjid ini adalah merupakan Rancangan Kemajuan Negara yang pertama sekali diperkenankan oleh baginda<sup>135</sup> dalam era pemerintahannya.

:

Dengan terbinanya masjid ini dan hasil rekabentuk yang diilhamkan sendiri oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin itu<sup>136</sup> telah menjadikan simbol kemegahan dan keutuhan Agama Islam di negara ini sehingga ianya terkenal sebagai salah satu masjid yang tercantik di dunia. Kedudukan lokasi masjid ini yang meletakkan separuh daripada bangunannya di kelilingi oleh air menambahkan pemandangan yang indah oleh sesiapa sahaja yang melihatnya. Ini membuktikan idea yang diilhamkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin itu sangat tinggi nilainya sehingga baginda digelar sebagai ‘Arkitek Brunei Moden’.<sup>137</sup> Di samping itu Masjid ini merupakan asas utama dalam pembangunan negara sesuai dengan kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi negara.

134

<sup>134</sup> Jabatan Muzium Brunei, Bahagian Arkib, Bilangan BA/0980/83.

<sup>135</sup> Haji Metussin Bin Haji Bakri, *op cit*, hal. 22.

<sup>136</sup> Rekabentuk masjid ini mula dilukis pada tahun 1953 atas daya usaha dan ilham baginda sendiri dengan dilukis oleh seorang pegawai Kerja Raya iaitu Awang Besar Bin sagap, dan didetailkan dalam bentuk pelan oleh Syarikat Booty and Edwards, Chartered Architects. Bangunan ini dibina oleh Sino-Malayañ Engineer.

<sup>137</sup> Haji Awang Mohd.Jamil Al-Sufri, YDPOKADDSU (Dr), *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1990, hal. 30.

Masjid ini telah siap pembinaannya pada tahun 1958M, dan telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin Sa’dul Khairi Waddin pada hari Jumaat, 13hb. Rabiulawal, 1378H bersamaan 26hb. September, 1958M. Pembukaan rasmi masjid ini telah diadakan dengan penuh Adat Istiadat yang disaksikan oleh para tetamu luar negeri seperti Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Selangor, Perlis, Johor dan Yang Dipertuan Negeri Sembilan. Antara orang-orang kenamaan yang hadir juga ialah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Timbalannya, Menteri Tanah dan Perumahan Singapura, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei, Wakil kerajaan Arab Saudi di Singapura, Pembesar-pembesar dari negeri Sabah dan Sarawak dan juga jemputan-jemputan khas termasuk kenalan peribadi baginda sendiri.<sup>138</sup> Upacara majlis pembukaan rasmi masjid ini telah diadakan di luar bangunan masjid dan sejurus selepas itu upacara memotong pita berwarna kuning, putih dan hitam yang melambangkan warna bendera Brunei telah dilakukan oleh baginda sendiri dengan diikuti oleh tembakan meriam, pengibaran bendera masjid dan sekaligus tiga penjuru pintu masjid pun terbuka bagi membolehkan para tetamu dan jemaah masuk ke dalamnya.<sup>139</sup>

---

<sup>138</sup> Lihat Haji Metussin Bin Haji Baki, *op cit*, hal. 30-31.

<sup>139</sup> *Ibid.*

Ciri-ciri dan rekabentuk yang terdapat pada bangunan masjid ini ialah Mihrab, Mimbar, Ruang sembahyang, Kubah, Menara dan Tempat mengambil air sembahyang (wudu), serta terdapat juga kawasan perkarangan masjid. Kesemua ciri-ciri ini diatur dan dihias begitu indah dengan unsur-unsur kesenian Islam dan tradisional seperti kaligrafi, bunga-bungaan, geometri dan sebagainya. Masjid ini adalah yang pertama mempunyai kubah atau dome yang besar berukuran 160 kaki tinggi dan dihiasi dengan 3 juta *mosaic tile* keemasan di negara ini. Di kawasan perkarangan masjid pula terdapat dua bahagian kawasan perkarangan iaitu bahagian perkarangan daratan dan bahagian perkarangan air (*lagoon*). Yang menarik sekali di kawasan perairan ini ialah di tengah-tengah *lagoon* tersebut terbinanya sebuah model bahtera kenaikan di raja yang digunakan pada zaman silam. Bahtera ini berukuran 157 kaki panjang dan 31 kaki lebar. Bahtera yang berharga \$250 ribu ini di bina bersempena dengan memperingati Nuzul al-Quran 1400H bersamaan dengan tahun 1967M.<sup>140</sup> Bahtera ini dihubungkan oleh sebuah jambatan ke kawasan perkarangan masjid, dan bahtera ini juga pernah digunakan sebagai ‘Astaka’ dalam pertandingan membaca ayat-ayat suci al-Quran dalam berbagai peringkat seluruh negeri.

Dengan rekabentuk bangunan yang menarik dan besar, Masjid Omar Ali Saifuddin telah menjadi sebuah masjid utama dan juga sebagai sumber inspirasi bagi masjid-masjid seluruh Negeri dalam memainkan peranannya sebagai pusat penyebaran agama Islam dan

---

<sup>140</sup> *Ibid*, hal. 29.

sebagainya. Masjid ini telah diubahsuai buat pertama kalinya pada tahun 1993 dengan dilengkapi dengan alat penyaman udara (*airconditioner*) dan di tambah pula dengan ukiran-ukiran dan tulisan-tulisan kaligrafi bagi memberikan keselesaan dan ketenangan kepada para jemaah yang beribadat di dalamnya.

Sebagai sifatnya yang utama di negara ini, Masjid Omar Ali Saifuddin telah menjadi pusat dan tumpuan bagi majlis-majlis keagamaan di negara ini. Kesemua hari-hari kebesaran Islam dan juga hari-hari kebesaran yang bersifat kenegaraan diadakan sembutannya di masjid ini. Di antara hari yang paling bersejarah bagi masjid ini ialah pada 31hb. Disember, 1983M, sebelum sembahyang fardhu Maghrib, masjid ini telah didatangi dan dipenuhi oleh orang ramai termasuk pembesar-pembesar negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil negara asing yang beragama Islam untuk menghadiri majlis membaca Surah Yaasin dan Doa Selamat serta sembahyang sunat Hajat berjemaah<sup>141</sup> bagi menyambut perayaan pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang akan diisytiharkan dan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di Pertuan

---

<sup>141</sup> Sembahyang sunat Hajat berjemaah ini telah dikerjakan selepas sembahyang fardhu Maghrib berjemaah dan bacaan wirid yang diimamkan oleh Timbalan Pengetua Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya Bin Haji Ibrahim dan seterusnya memimpin membaca Surah Yaasin. Lihat Haji Awang Mohd.Jamil Al-Sufri, POKADD SU (Dr), *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Pusat Sejarah Brunei, 1992, hal. 203.

Negara Brunei Darussalam pada 1hb. Januari, 1984M tepat jam dua belas satu pagi, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddin berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Bagawan.

### **3.6.2 Masjid Setia Ali**

Menurut buku “Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam”,<sup>142</sup> terdapat empat buah masjid telah didirikan di Pekan Muara ini sejak tahun 1884 M. Mengikut sumber yang telah didapati masjid pertama itu telah di asaskan oleh Awang Haji Jamuddin, (bapa kepada Awang Haji Mohiddin bin Haji Jamuddin), terletak di kampong Masjid Lama Muara.<sup>143</sup>

Masjid Setia Ali, adalah masjid yang ke empat dan terakhir dibina di Pekan Muara ini. Masjid ini telah mula dibina pada 30hb. Julai, 1960, di atas sebidang tanah milik kerajaan seluas 2.590 ekar (1.048 hektar), bagi menggantikan masjid ketiga yang

<sup>142</sup> Buku ini adalah hasil kajian yang dibuat oleh Haji Metussin bin Haji Bakri bekas Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Syara’iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama tahun 1993.

<sup>143</sup> *Ibid*, hal. 72.

terletak di kampong Serasa Muara kerana mengalami kerosakan dan tidak boleh digunakan lagi.<sup>144</sup> Pembinaan masjid ini merupakan rancangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk membina sebuah masjid yang disifatkan sebagai Masjid Mukim atau Utama.<sup>145</sup>

Pada penghujung tahun 1961M, masjid ini telah siap pembinaannya dengan menelan belanja kira-kira \$250,000.00, dan mula digunakan pada bulan November 1961M. Masjid ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin pada hari Jumaat 5hb. Muharram, 1382H bersamaan dengan 8hb. Jun, 1962M.

Ciri-ciri dan rekabentuk bangunan masjid ini ialah mempunyai ruang tempat sembahyang yang besar, sebuah dewan serbaguna, sebuah menera, mihrab, mimbar dan tempat mengambil air sembahyang (*wudu'*). Bentuk bangunan masjid ini sangat menarik seperti payung besar yang mengembang menutupi di atas ruang dewan tempat bersembahyang. Konsep rekabentuk atap bangunan masjid ini mempunyai makna yang

---

<sup>144</sup> Masjid kampong Serasa, Pekan Muara ini telah dibina secara bergotong-royong oleh penduduk-penduduk kampong Serasa selepas tamatnya perang dunia kedua.

<sup>145</sup> *Ibid*, hal. 73.

tersembuni yang menggambarkan kepada sesuatu yang unik sebagai pelindung kepada umat Islam di dunia dan di akhirat, iaitu berpegang kepada ajaran agama Islam yang suci.

:

Sesungguhnya di dalam Negara Brunei darussalam terbahagi kepada empat buah Daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Seria, dan Daerah Temburong. Muara adalah sebuah Pekan yang terdapat di dalam Daerah Brunei dan Muara, dimana terletaknya Masjid Setia Ali. Sebagai sebuah masjid utama, Masjid Setia Ali telah memainkan peranannya sebagai sebuah masjid contoh kepada masjid-masjid di sekitarnya. Ianya menjadi pusat tumpuan utama kepada penduduk-penduduk sekitarnya dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti menyambut hari-hari kebesaran dalam Islam, menyambut hari-hari kebesaran yang bersifat kenegaraan dan sebagainya. Masjid ini adalah sebagai pengasas kepada perkembangan syiar Islam di Daerah ini. Ini dapat dilihat daripada sejarah yang menarik pernah berlaku pada masjid ini, iaitu sebahagian masjid ini pernah dijadikan sebagai salah sebuah Sekolah Ugama kerajaan di Pekan Muara, disamping ianya juga menjadi tempat menjalankan aktiviti-aktiviti masjid itu sendiri. Keupayaan masjid ini dalam mengendalikan sekolah ugama di Daerah ini sangatlah membanggakan sesuai dengan konsep dan peranan masjid sebagai pusat ilmu pengetahuan dan pendidikan.

### 3.6.3 Masjid Hassanal Bolkiah

Daerah Tutong merupakan daerah yang kedua terbanyak mempunyai masjid di Negara Brunei Darussalam.<sup>146</sup> Ini menunjukkan bahawa Daerah ini mempunyai majoriti penduduknya yang beragama Islam, lebih ramai daripada penduduk-penduduk Islam di Daerah-Daerah Belait dan Temburong. Perkembangan masjid-masjid di Daerah ini menunjukkan hampir kesemua mukim dan kampongnya mempunyai masjid masing-masing.

Masjid Utama bagi Daerah Tutong ialah, Masjid Hassanal Bolkiah. Masjid ini merupakan masjid yang ke lima dibangunkan di Pekan Tutong. Masjid pertamanya telah dibina pada tahun 1922M berhadapan dengan sungai Tutong. Oleh kerana tapak masjid pertama itu tidak sesuai, maka masjid kedua pula dibina berdekatan dengan tebing sungai yang sekarang ini dijadikan tempat perhentian bas dan taksi. Masjid ini juga tidak lama digunakan, kerana mengalami kerusakan. Pada tahun 1928M, masjid ketiga pula dibangunkan di tepi sungai Tutong. Masjid ini digunakan oleh masyarakat Tutong agak lama juga, sehingga meletusnya perang dunia kedua pada tahun 1945M, yang

---

<sup>146</sup> Daerah Tutong setakat ini telah pun mempunyai 20 buah masjid dan 2 buah balai ibadat di seluruh Daerah.

menyebabkan masjid ini terkena bom tentera British mengakibatkan sebahagian bangunannya telah musnah.

Pada tahun 1950M pula masjid ke empat telah dibangunkan di Pekan Tutong. Tapak masjid ini maseh kekal sehingga sekarang. Masjid ini dibina dalam bentuk segi empat mempunyai atap dua tingkat, bertiang batu setinggi 4 kaki. Rekabentuk masjid ini cenderung kepada rekabentuk rumah tradisional masyarakat alam melayu. Bentuk masjid seperti ini adalah merupakan bentuk asal masjid-masjid yang terdapat di alam melayu sejak dahulu kala lagi.

Setelah pembangunan masjid-masjid di negara ini dimasukan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan untuk mendiri sebuah masjid yang besar sesuai dengan tarafnya sebagai masjid mukim atau utama. Masjid ini telah mula dibina pada hari sabtu 15hb Zulhijjah, 1384H, bersamaan dengan 17hb April 1965M,<sup>147</sup> di atas tapak tanah yang diwakafkan oleh dua orang hamba Allah iaitu Awang Abdul Latif bin Khatab dan Awang Mohd.Daud bin Bujang.

---

<sup>147</sup> Perletakan Batu Asas bangunan masjid ini telah dilakukan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Pengiran Muda Mohammad Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Abdul Rahman. Lihat cenderamata kenangan Istiadat pembukaan rasmi bangunan baru, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong, pada 25 November, 1971. -

Pembinaan masjid ini, disebabkan pertambahan penduduk yang ramai di kawasan tersebut, yang setentunya tidak dapat ditampung oleh masjid yang sedia ada. Dasar kerajaan pada meningkatkan perkembangan syiar Islam di daerah ini juga, adalah faktur utama pembinaan masjid ini. Masjid ini telah dibina dengan cukup lengkap dengan keperluan-keperluan yang bersesuaian, bagi membolehkan masjid ini menjadi pusat tempat menanam dan menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman agama Islam kepada penduduk-penduduk Daerah ini.

Masjid ini telah siap pembinaannya pada pertengahan tahun 1966M, yang menelan belanja hampir \$700,000.00.<sup>148</sup> Masjid ini boleh menampung lebih 700 orang jemaah didalamnya, dan dilengkapi dengan sebuah dewan serbaguna bagi manjelaskan aktiviti-aktiviti masjid dan sebagainya.

Pada hari Jumaat 9hb. Jamadilawal, 1386H bersamaan dengan 26hb. Ogos, 1966M, masjid ini telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran

---

<sup>148</sup> Haji Metussin Bin Haji Bakri, *op cit*, hal. 247.

Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.<sup>149</sup> Masjid ini diberi nama "Masjid Hassanal Bolkiah" sempena dengan nama baginda.

:

Fungsi dan peranan masjid ini ialah sebagai pusat bagi masjid-masjid di Daerah Tutong dalam memainkan peranan sebagai pusat tempat menanam dan menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman ajaran ugama Islam serta menjadi lambang Islam kepada penduduk-penduduk di Daerah tersebut.<sup>150</sup> Selain itu masjid ini adalah menjadi tumpuan utama kepada penduduk-penduduk Daerah ini dalam menyabut hari-hari kebesaran Islam dan juga hari-hari kebesaran peringkat negara. Masjid ini maseh berfungsi kepada masyarakat sebagai pusat utama dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti keagamaan di Daerah ini seperti tempat mengadakan peraduan membaca ayat-ayat suci al-Quran dalam berbagai peringkat umum dan khas, dan juga sebagai tempat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Sekolah-Sekolah Ugama di Daerah ini dan disamping sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang dari peringkat kanak-kanak hingga keperingkat dewasa lelaki dan perempuan.

---

<sup>149</sup> Sekarang dikenali sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

<sup>150</sup> Antara sabda ucapan perasmian Masjid Hassanal Bolkiah oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah. *Ibid*, hal. 248.

### 3.6.4 Masjid Muhammad Jamalul Alam

Daerah Belait merupakan Daerah yang terbesar sekali di antara empat buah Daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Daerah ini mempunyai keluasan 2,722 kilometer persegi dan mempunyai keramaian penduduk seramai 54,300 orang.<sup>151</sup> Oleh kerana Daerah ini tempat penghasilan minyak yang terbesar di Negara Brunei Darussalam, maka kebanyakannya penduduknya tinggal dikawasan bandar dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan bandar kerana kebanyakannya mereka berkerja dengan Syarikat Minyak Shell Brunei. Sebagai sebuah tempat perindustrian, Daerah ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan bangsa, dan lebih separuh daripada penduduknya beragama Islam.

Pada tahun 1909M sebuah masjid telah dibina di kampong Kuala Balai, dan merupakan masjid yang pertama dibina di Daerah Belait. Manakala pada tahun 1920M pula sebuah masjid lagi dibina dikampong Labi, Ulu Belait. Masjid ini dinamakan sebagai

---

<sup>151</sup> *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 1992*, Economic Planning Unit, Ministry of Finance, Negara Brunei Darussalam.

“Masjid Keling” atau disebut juga “Masjid Thambi”, kerana masjid ini dibina oleh masyarakat India Islam yang berkerja dengan *Sarawak Shell Oil Field Limited*.<sup>152</sup>

:

Apabila Kuala Belait menjadi pusat pentadbiran bagi Daerah Belait, maka sebuah masjid telah dibina di kampong Melayu Asli<sup>153</sup> pada tahun 1929M. Masjid ini merupakan masjid yang ketiga dibina didalam Daerah Belait dan menjadi masjid pertama yang menjadi asas kepada pembinaan Masjid Muhammad Jamalul Alam sekarang. Masjid kedua telah dibina pada tahun 1938M di tempat yang sama bagi mengantikan masjid yang lama.

Seperti juga di Daerah-Daerah yang lain di negara ini, Daerah ini juga mengalami perubahan yang serupa dengan pertambahan penduduk yang ramai, yang menyebabkan perlunya pembesaran masjid bagi menampung para jemaah yang ramai itu. Maka sehubungan dengan itu, pada tahun 1961M kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah merancang untuk membina sebuah masjid yang indah dan besar berdekatan dengan tapak masjid yang lama, iaitu di atas sebuah tapak tanah milik kerajaan seluas 2 ekar.

<sup>152</sup> *Ibid.* Lihat Haji Abd.Karim Bin Haji Abd.Rahman, ‘Masjid Di Kampong Labi’, *Pusaka*, Berita Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam, bil. 1, 1988, hal. 84.

<sup>153</sup> Tapak masjid ini ialah menjadi tapak bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait sekarang.

Pembinaan masjid ini telah bermula pada hari Ahad 17hb. September, 1961M dengan perletakan Batu Asasnya oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Muhammad Daud Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika itu. Masjid ini telah dapat disiapkan dalam tempoh 9 bulan dengan menelan belanja kira-kira setengah juta ringgit. Masjid ini dinamakan sebagai Masjid Muhammad Jamalul Alam sempena dengan nama Sultan Brunei ke-26, dan ianya boleh menampung jemaah di dalamnya seramai 2,000 orang.

Ciri-ciri dan rekabentuk yang terdapat pada masjid ini ialah dewan besar tempat menuaikan sembahyang, dewan serbaguna, tempat mengambil air sembahyang (wudhu), dapur, bilik pekerja dan bilik-bilik air. Manakala rekabentuk masjid ini pula mempunyai kubah atau atap seperti payung seperti juga Masjid Setia Ali Pekan Muara dan juga mempunyai lima buah menara yang ketinggiannya kira-kira 100 kaki sebagai lambang rukun Islam yang lima dan juga sembahyang fardu lima waktu yang wajib dikerjakan oleh setiap orang Islam.

Masjid ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin Pada hari Jumaat 25hb. September, 1964M. Semasa perasmian itu baginda telah berkenan untuk menyampaikan Khutbah Jumaat kepada jemaah yang hadir. Manakala sembahyang

fardhu Jumaat pula diimamkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Seri Paduka Haji Muhammad Salleh Kadi Besar Brunei ketika itu.

### 3.6.5 Masjid Pekan Seria

Pekan Seria adalah sebuah Pekan yang terdapat di Daerah Belait. Pekan ini mempunyai bandarnya tersendiri yang menjadi tumpuan kepada penduduknya yang berbilang bangsa. Kebanyakan penduduk yang tinggal di kawasan Pekan Seria ini adalah perkerja-perkerja yang bertugas di Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Di Pekan inilah tempat pengeluaran minyak bagi Negara Brunei darussalam.

Menurut sejarah pembinaan Masjid Pekan Seria ini, masjid yang pertama dibina di Seria ialah pada tahun 1938M yang diusahakan oleh penduduk-penduduk yang beragama Islam dan pekerja-pekerja Islam *British Malayan Petroleum Company* yang diketuai oleh Malai Haji Besar bin Syed Ahmad yang bertugas sebagai Mandur. Masjid ini terletak berhampiran dengan bangunan Sekolah Lama Pekan Seria, dan sekarang menjadi Pejabat Bandaran.<sup>154</sup>

---

<sup>154</sup> Haji Metussin Bin Haji Bakri, *op cit*, hal. 334. Lihat juga Akhbar *Salam*, terbitan bulan September 1954.

Pada tahun 1953M, sebuah masjid yang kedua mula dibina oleh pekerja-pekerja *British Malayan Petroleum Company* dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$250,000.00. Masjid ini telah siap pembinaannya pada 19hb. September, 1954M, dan dianggap sebagai masjid yang tercantik ketika itu. Bersempena dengan siapnya pembinaan bangunan masjid ini, satu upacara majlis penyerahan kunci Masjid telah dilakukan oleh pihak *British Malayan Petroleum Company* iaitu Mr. T.C. Glanville, selaku Pengarah Urusan syarikat berkenaan, kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al- Sultan Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddin Sa’dul Khairi Waddin, sebagai tanda pengurniaan kepada masyarakat Islam bagi memperingati Hari Perpusaan baginda sebagai Sultan Brunei yang ke-28.<sup>155</sup> Sejurus selepas majlis penyerahan kunci masjid tersebut, Majlis Pembukaan Rasmi Masjid ini pun disempurnakan oleh baginda sendiri.

Masjid ini merupakan masjid yang pertama menggunakan kubah yang besar terletak ditengah-tengah bangunan masjid di negara ini. Di keliling kubah ini, terdapat lima buah kubah yang berbentuk kecil. Ini menunjukkan konsep kubah-kubah berkenaan melambangkan bahawa Rukun Iman dan Rukun Islam itu adalah pegangan umat Islam yang tidak dapat dipisahkan antara keduanya.

---

<sup>155</sup> *Ibid.*

Masjid Pekan Seria ini mengalami dua kali perubahan struktur bangunannya. Kali pertama berlaku pada tahun 1970M, ditambah disebelah kiri bangunan tersebut. Memandangkan keramaian jemaah yang semakin ramai dan bertambah dari tahun ke tahun, maka perubahan kali kedua telah dilakukan pada dalam tahun 1982M. Pertambahan bangunan ini pula dilakukan di sebelah belakang masjid bagi membesarkan lagi ruang sembahyang dimasjid ini. Tambahan ini telah siap pada tahun 1984M, dan boleh menampung jemaah hingga 2,000 orang.

Ciri-ciri yang terdapat pada masjid ini ialah dewan tempat sembahyang, Mihrab, Mimbar,<sup>156</sup> sebuah Menara, mini komputer, bilik pegawai-pegawai masjid, bilik alat-alat pembesar suara, bilik tempat mengambil air sembahyang dan bilik menyempurnakan jenazah.<sup>157</sup>

Seperti juga masjid-masjid Pekan yang lain, masjid ini juga merupakan masjid utama dan tumpuan bagi masyarakat yang tinggal disekitar Pekan ini. Masjid ini juga

---

<sup>156</sup> Mimbar masjid ini telah dibuat pada tahun 1954 dan masih lagi digunakan sehingga sekarang. Mimbar ini di lukis oleh Awang Haji Sahari dari *British Malayan Petroleum Company* dan di ukir di Hongkong. *Ibid*, hal. 335.

<sup>157</sup> *Ibid*.

sebagai tempat mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi masyarakat sekitarnya, menyambut hari-hari kebesaran dalam Islam dan juga hari-hari kebesaran negara.

:

### **3.6.6 Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh**

Daerah Temburong adalah salah sebuah Daerah yang kedua besar di Negara Brunei Darussalam. Kedudukan Daerah yang mempunyai keluasan 1,306 kilometer ini terpisah dengan kedudukan tiga Daerah yang terdapat di negara ini. Jalan penghubung antara tiga Daerah dengan Daerah ini ialah dengan menggunakan jalan air atau sungai.

Keramaian penduduk Daerah ini adalah di anggarkan seramai 7,900 orang,<sup>158</sup> Pekan Bangar adalah merupakan bandar utama bagi Daerah ini. Dengan bilangan penduduk yang sedikit ini, kira-kira lebih dua pertiga daripada penduduknya beragama Islam.

---

<sup>158</sup> Lihat *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 1992*, Economic Planning Unit, Ministry of Finance, Brunei.

Setakat ini Daerah Temburong hanya mempunyai 7 buah masjid sahaja. Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh adalah merupakan masjid utama bagi Daerah ini. Sebelum wujudnya masjid ini, beberapa buah masjid telah pun dibina di Pekan Bangar ini. Menurut sumber lisan yang didapati, bahawa masjid yang pertama didirikan berdekatan Pekan ini dan di Daerah Temburong umumnya ialah pada kira-kira tahun 1918M, iaitu selepas Perang Dunia Pertama. Masjid ini dinamakan sebagai "Masjid Kastam Lama", yang terletak disebelah hilir sungai Temburong kira-kira 4 atau 5 kilometer dari Pekan Bangar.<sup>159</sup>

Apabila pentadbiran Daerah Temburong berpindah ke Pekan Bangar, pada tahun 1935M, sebuah lagi masjid telah pun dibina bagi menggantikan yang pertama itu. Masjid kedua ini dinamakan sebagai "Masjid Pekan Bangar" dan mula digunakan pada tahun 1937M. Masjid ini terletak di atas tapak tanah milik kerajaan berhadapan dengan Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh sekarang. Masjid ini boleh menampung jemaah seramai 300 orang.<sup>160</sup>

---

<sup>159</sup> Haji Metussin Bin Haji Bakri, *op cit*, hal. 361, 365.

<sup>160</sup> *Ibid*, hal. 366.

Memandangkan kepada struktur bangunan masjid kedua ini mengalami kerusakan seperti lantai, dinding dan atapnya sudah reput, maka pada tahun 1950M sebuah lagi masjid didirikan berdekatan dengan bangunan masjid lama itu. Masjid ini telah siap pembinaannya dalam masa satu tahun. Pada hari Jumaat 19hb. Januari, 1951M pembukaan rasmi masjid ini telah pun disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin dan seterusnya pada hari itu baginda telah berkenan menyampaikan khutbah Jumaat di masjid tersebut. Baginda juga berkenan memberikan nama masjid ini sebagai "Masjid Utama Pengiran Mohammad Salleh".

Bagi menyeragamkan perancangan kerajaan dalam pembinaan masjid-masjid diseluruh negeri, melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara, Daerah Temburong juga tidak ketinggalan menerima nasib yang sama dengan Daerah-Daerah yang lain. Pada 10hb. April, 1965M bersamaan 8hb. Zulhijjah, 1384H, sebuah masjid yang besar di Daerah ini dan juga merupakan masjid ke empat telah pun mula dibina di atas tapak tanah kerajaan seluas 2.707 ekar di Pekan Bangar. Bagi memulakan projek ini, satu upacara meletakan Batu Asas telah pun dilaksanakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Muda Haji Hashim ibni Pengiran Anak

Abdul Rahman. Masjid yang menelan belanja sebanyak \$395,000.00<sup>161</sup> ini telah mula digunakan pada tahun 1967M, dan boleh menampung Jemaah seramai 800 orang. Manakala pembukaan rasmi masjid ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada hari Jumaat 24hb. Rabiulawal, 1388H bersamaan dengan 21hb. Jun, 1968M, dengan diberi nama "Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh".

Rekabentuk masjid ini mengandungi sebuah kubah besar di tengah-tengah bangunan, sebuah menera, dewan besar tempat sembahyang, dewan serbaguna, tempat mengambil wudu, dapur, bilik pegawai masjid dan sebagainya. Masjid ini juga telah dihias dengan tulisan-tulisan khat ayat-ayat suci al-Quran di atas seramik tile berwarna putih dan hitam.

Seperti juga masjid-masjid Daerah yang lain, Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh, Pekan Bangar ini, merupakan pusat utama bagi Daerah Temburong dalam mengendalikan segala aktiviti-aktiviti yang berunsur keagamaan dan sebagainya. Masjid ini adalah menjadi model kepada masjid-masjid di Daerah ini. Kekuahan masjid ini

---

<sup>161</sup> Lihat fail Pejabat Hal Ehwal Ugama, Temburong PKT/4/1964 - 1.

melambangkan kekuatan syiar Islam berkembang maju di Daerah ini khususnya dan di Negara Brunei Darussalam umumnya.

:

### 3.7 Kesimpulan

Berdasarkan kepada fakta sejarah yang telah diperjelaskan, membuktikan bahawa Brunei adalah di antara salah sebuah negara yang terawal menerima agama Islam sama ada secara rasmi mahu pun tidak rasmi di rantau ini. Di samping itu juga, pencapaian Brunei dalam misi penyebaran dakwah Islamiah di rantau ini sangatlah memberangsangkan bila mana Brunei pernah dianggap sebagai negara yang terkuat setelah mengambil alih peranan empayar Islam Melaka dalam memperjuangkan perkembangan ajaran agama Islam khususnya di sepanjang persisiran pulau Borneo dan gugusan kepulauan Filipina setelah kerajaan Islam Melaka jatuh ketangan penjajah Portugis pada tahun 1511 M.

Kekukuhan ajaran agama Islam di Brunei semakin terserlah dan mantap, apabila berlakunya peralihan kuasa pemerintah dalam dinasti kesultanan melayu Brunei kepada seorang yang berketurunan Arab, setelah beliau dikahwinkan dengan seorang puteri raja

Brunei iaitu anak kepada Sultan Ahmad Shah, sultan Brunei ke dua. Raja yang dimaksudkan itu ialah Sultan Syarif 'Ali, sultan Brunei ke tiga.

Sebagai seorang yang berbangsa Arab dan asal keturunan daripada Rasulullah *s.a.w*, baginda telah melaksanakan sistem pemerintahannya mengikut ajaran agama Islam yang tulin. Ini menambahkan lagi kentalnya pertapanan Islam di Brunei serta sembutan yang padu masyarakat akan ajaran agama Islam itu. Selain itu, perpaduan dalam kehidupan masyarakat Brunei dapat dilihat apabila sultan sendiri bersama-sama rakyat secara bergotong-royong mendirikan sebuah masjid pertama di Brunei sebagai asas pertama bagi mengwujudkan perpaduan tersebut.

Dengan terbinanya masjid ini, pembinaan masjid-masjid di Brunei jelas tidak pernah diabaikan oleh pihak pemerintah mahu pun masyarakat Brunei sendiri, bahkan sebaliknya ia dijadikan sebagai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sebagai *sunnah Rasulullah s.a.w*. Pegangan ajaran Islam yang mantap ini telah menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan masyarakat Islam yang paling berperanan dalam menyebarkan dan mengembangluaskan ajaran Islam di rantau ini. Sebagai bukti kenyataan ini, pada tahun 1578 M, masjid Brunei yang utama itu telah pun dibakar oleh orang-orang Sepanyol kerana ia dianggap sebagai dalang yang menyekat serta melemahkan penyebaran agama Kristian di Filipina.

Kekentalan aqidah Islamiah yang meyelubungi sanubari masyarakat Brunei telah menghasilkan beberapa tokoh agama yang berpengaruh, bukan sahaja sebagai ikutan masyarakat khususnya di masjid-masjid, bahkan mereka juga sebagai Menteri dalam kerajaan yang berperanan pada menangani isu-isu dalam negeri mahu pun antarabangsa. Ini membuktikan bahawa pihak pemerintah iaitu sultan-sultan di Brunei itu lebih mengutamakan Islam daripada yang lainnya dalam sistem pemerintahan mereka sejak berkurun-kurun lagi.

Apabila Islam ditempatkan pada tempat yang utama dalam pemerintahan dan pentadbiran di Brunei, pengemaskinian pentadbiran pun semakin kemas dan teratur sesuai dengan keadaan semasa. Pengemaskinian undang-undang adalah yang paling penting bagi tujuan ini. Pada tahun 1955 M misalnya, telah ditubuhkan sebuah akta yang dikhususkan bagi mengawal pentadbiran ugama Islam di seluruh negeri. Dalam akta ini telah memperuntukan beberapa bab yang mengawal pembangunan masjid-masjid, perlantikan dan perlucutan Imam-Imam, bidangkuasa-bidangkuasa yang dikenakan dan sebagainya bagi mempestikan perjalanan pentadbiran institusi-institusi masjid khususnya berjalan baik dan sempurna.

Berpandukan kepada tertubuhnya akta ini, maka pentadbiran masjid-masjid semakin hari semakin teratur sehingga tertubuhnya sebuah jabatan yang mengawal perkembangan pentadbiran masjid-masjid seluruh negara. Ini menunjukkan perkembangan pembangunan institusi-institusi masjid di Brunei semakin pesat dengan keadaan penduduknya yang kecil itu. Kepesatan pembangunan masjid-masjid itu disebabkan oleh pertambahan penduduk dan juga kesedaran beragama yang memuncak di kalangan masyarakat. Di samping itu juga kesan daripada kejayaan beberapa buah masjid utama yang menjadi nadi kepada kekuatan penyebaran ajaran Islam di daerah-daerah menyebabkan timbulnya usaha-usaha memperbanyakkan pembinaan masjid-masjid bagi tujuan mengukuhkan ajaran ugama Islam berjalan dengan sempurna dan berterusan di negara ini.